

KOLEKSI CERPEN
PILIHAN
PELITA BRUNEI
2013

Terbitan

Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama

2017

Hak Cipta

Jabatan Penerangan

Penyelaras

Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Kompilasi/Susunan/Reka Letak

Muhammad Al Khaliq bin Ali

Penyemak

Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir
Hajah Sujimawati binti Mejari

Ilustrasi

Gambar hiasan digunakan di Pelita Brunei

Reka Bentuk Kulit Luar

Hairun Nadhir bin Ismail

ISBN

978-99917-49-75-4

Hak cipta terpelihara. 'Koleksi Cerpen Pilihan' merupakan koleksi cerpen yang diterbitkan di dalam Pelita Brunei edisi Januari - Disember 2013. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

KATA ALUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, Koleksi Cerpen Pilihan Pelita Brunei dapat diusahakan penerbitannya. Cerpen-cerpen yang terkandung dalam koleksi ini adalah hasil karya yang telah dikeluarkan dalam akhbar Pelita Brunei di sepanjang 2013.

Penerbitan ini merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan untuk menghargai sumbangan penulis kepada perkembangan kesusasteraan tanah air khususnya mereka yang menyumbangkan karya mereka ke akhbar berkenaan.

Pihak penerbit percaya penerbitan Koleksi Cerpen Pilihan ini dapat meniup semangat/menyuntik para penulis tanah air ke arah menghasilkan karya yang bermutu dan secara langsung akan menjadi sumber penyelidikan bagi penyelidik-penyelidik sastera di masa akan datang.

Pihak penerbit, bagaimanapun, berhak untuk tidak memuatkan dalam koleksi ini mana-mana cerpen yang dirasakan tidak sesuai. Sekian.

PENERBIT

2013

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Nostalgia tinggal di asrama

Oleh : PAT

6

Petang Khamis Malam Jumaat

Oleh : Maya Brunei

18

Kerana Bunga Tulip

Oleh : Nurul Husna Binti Mohd. Ali

23

Rintik-Rintik Hujan

Oleh : Maya Brunei

41

Surat Untuk Ummi

Oleh : Mardiah Haji Abdul Gapar

48

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Tray Telor Oleh : M.A. Rahman	52
Hujung Pertemuan Oleh : Maya Brunei	58
Beljarlah Terus Belajar Oleh : Yatim Budiman	63
Kacau Oleh : Omeyad	71
Lembing Oleh : Omeyad	77

Nostalgia Tinggal di Asrama



Oleh :
PAT

BANGUNAN asrama adalah tempat yang tidak asing bagiku. Ini kerana aku sudah terbiasa tinggal di asrama. Asrama, ku anggap sebagai rumah kedua bagiku. Sepanjang tahun persekolahan, di sinilah aku tinggal. Aku mulai tinggal di asrama mulai tahun 1973 hingga 1980, kemudian diteruskan ke beberapa buah asrama di tempat lain sehingga membawa ke tahun 1987. Sepanjang itulah bermacam-macam kenangan pahit manis telah kulalui. Aku terpaksa tinggal di asrama kerana rumah keluargaku jauh di pedalaman.

“Pat, mulai bulan dapan dikau tinggal di asrama tu. Kata cikgu mu, dikau lulus dalam peperiksaan calon ke sekolah Inggeris kerajaan. Nanti kalau dah tinggal di sana, baik-baik jaga diri,” begitu kata emak pada suatu petang kepadaku.

Aku dan emak duduk di halaman rumah kami, sambil memerhatikan beberapa ekor anak ayam berkeliaran tidak jauh dari tempat kami duduk. Keluargaku memang memelihara ayam ketika itu. Tiap-tiap petang ayam-ayam ini akan dimasukkan ke dalam reban dan dilepaskan keesokan paginya. Begitulah dilakukan setiap hari. Bapa juga ada di situ.

Dia sedang meraut rotan untuk dijadikan bubu, untuk menangkap ikan sungai. Sungai adalah tempat untuk mendapatkan sumber ikan kami, ketika itu.

Hari pertama aku berpindah ke Tutong, aku dihantar oleh bapa dengan menumpang sebuah kereta. Kami awal-awal lagi menunggu kereta tumpangan di tepi jalan. Malam sebelum itu, kami sekeluarga bermalam di rumah saudaraku, yang letaknya tidak jauh dari jalan itu. Mungkin tujuan emak dan bapaku bermalam di situ kerana ingin tahu akan keadaan sekolah dan tempat aku akan ditempatkan. Kebetulan dua orang anak saudaraku ini sudah bersekolah dan tinggal di asrama di sana. Malam itu, aku juga nampak mereka telah memberikan sumbangan wang ringgit kepadaku. Anak-anaknya mengeluarkan tabung-tabung yang berisi dengan wang syiling. Sayangnya aku tidak tahu berapakah jumlah sumbangan tersebut. Mengenang perkara ini aku terharu dan berterima kasih kepada keluarga saudaraku itu.

Pada awal permulaan ku tinggal di asrama rasanya tidak begitu selesa. Bahkan sungguh membebankan terutamanya, menyentuh dengan emosiku. Emosiku terganggu kerana perasaan *home sick* begitu kuat sekali. Ini ditambah lagi aku tidak pernah berpisah dengan keluargaku. Kami sentiasa bersama. Jika mereka pergi ke sawah, aku ikut. Mereka menoreh getah juga, aku ikut walaupun sebagai pemerhati sahaja. Setiap hari bermacam-macam aktiviti kampung kami lakukan. Antaranya memancing, menjala, membubu ikan, memasang bubu, menjerat burung punai tanah dan sebagainya. Perkara ini sangat menyeronokkan, tetapi apabila aku tinggal di asrama semuanya ditinggalkan.

“Pat, besok kitani balik ke kampung. Kau mau?” kata Kiki mempelawa aku pada suatu hari.

Kiki adalah anak jiranku di kampung. Dia mengajak aku pulang ke kampung. Dia setahun lebih awal tinggal di asrama dariku. Di kampung dia tinggal bersama neneknya dan rumah kami berdekatan. Kebetulan ayahnya bekerja sebagai buruh di sekolah berkenaan dan tinggal di Pekan Tutong. Kami mengambil kesempatan ini untuk mendapat bantuan

bapanya sebagai penjamin. Dengan jalan ini kami akan diberikan kebenaran oleh pengawas asrama. Akibatnya kami selalu tidak hadir ke sekolah pada hari Sabtu kerana kami kembali ke asrama pada hari Ahad.

Ini bertujuan buat beberapa bulan malah hingga ke tahun berikutnya. Hanya setelah lama-kelamaan barulah perasaanku beransur-ansur stabil. Namun begitu perasaan rindu kepada keluarga itu tetap masih ada cuma dapat dikawal dengan maksima. Bagiku menunggu waktu cuti penggal persekolahan begitu lama. Kebetulan waktu itu cuti penggal persekolahan hanya tiga kali sahaja dalam setahun. Tetapi pada bulan puasa kami dicutikan sebulan penuh, kecuali penuntut Tingkatan 3 dan 5 diteruskan bersekolah.

Sepanjang tinggal di asrama aku jarang pulang ke kampung. Alasannya perhubungan sangat susah. Kedua, kalau aku pulangpun, ini menyusahkan kedua orang tuaku untuk mendapatkan kenderaan, untuk aku menumpang balik ke asrama. Jadi aku terpaksa menunggu cuti penggal persekolahan. Jika waktu cuti persekolahan, pihak berkenaan menyediakan kenderaan khas untuk mengangkut kami pergi dan balik ke asrama, aku dan beberapa orang kawan sekampungku diangkut dengan menggunakan dua cara. Ini tertakluk kepada keadaan cuaca dan musim pada masa itu.

Jika musim panas dan jalan kecil kering, kami diangkut dengan '4WD', jenis 'Landrover'. Kereta tersebut akan mengambil kami dari pekarangan asrama menurunkan kami di beberapa lokasi strategi, berdasarkan letak rumah kami. Aku diturunkan di tepi jalan, kerana rumah keluargaku terletak lebih kurang tiga kilometer dari situ. Aku berjalan kaki, melintas ladang getah, sawah padi, meniti-niti titian batang kayu menyeberang sungai sebelum sampai ke rumah. Kadang-kadang rasa seram juga terasa apabila melintasi kawasan tapak rumah lama.

Jika waktu itu musim penghujan dan air sungai dalam, kami diangkut dengan menggunakan motobot, di Tutong, pangkalan untuk turun naik perahu atau bot ialah di jeti Sungai Tutong. Dari pangkalan itu, kami berjalan kaki ke asrama yang jauhnya kira-kira empat kilometer.

Dalam perjalanan bot sepanjang Sungai Tutong kami dapat melihat beberapa buah rumah dan orang mandi-manda dan membasuh pakaian di tebing sungai. Dan kalau nasib baik, kami juga dapat melihat beberapa buaya dan monyet di sepanjang perjalanan. Namun begitu yang kurang menyenangkan ialah apabila hujan turun. Kami akan basah kerana bot itu tidak mempunyai atap. Hanya beg-beg kami sahaja ditutup dengan kain canvas.

“Pat, bapa dan mamamu datang. Diurang ada menunggu di bawah,” tiba-tiba seorang kawan yang tinggal sebilik bersamaku, datang memanggilku.

Waktu itu aku sedang berada di bilikku menyusun buku-buku untuk sekolah petang. Kelasku akan bermula dari 12.45 hinggalah ke pukul 5.30 petang. Aku hanya bersekolah di sebelah pagi setelah aku berada di Tingkatan 1. Sebelum turun ke ‘Preparatory School’ kami semua bersekolah di sebelah petang. Aku terus turun ke bawah dari asrama, dua tingkat itu untuk berjumpa dengan emak dan bapaku. Memang betul mereka adalah emak dan bapaku. Mereka nampak letih dan emak sempat duduk sementara menunggu aku datang.

“Lai, masih ada duitmu? Nah, ani lima puluh ringgit. Jimat-jimat belanja. Kalau bapamu terima, ada jua ia turun. Mama belum tau ikut. Kalau duit bapamu cukup mungkin mama jua ikut,” begitu kata emak kepadaku.

Bapa jua ada di situ. Tetapi dia tidak banyak bercakap, cuma dia sempat menasihatkan.

“Jangan lari-lari. Sini ani simin, bukan di kampung. Kalau talanggar pecah kepala,” kata ayahku.

Aku sengaja tidak menjawab pertanyaan emak mula-mula itu. Aku tidak mahu hatinya bersedih memikirkan perbelanjaanku. Duitku sebenarnya sudah lama habis. Duit sekadar lima puluh ringgit memang tidak mencukupi untuk perbelanjaan satu penggal. Semuanya habis

untuk membeli barang keperluan sekolah dan tinggal di asrama. Antara barang-barang persekolahan yang dibeli ialah alat tulis. Manakala barang keperluan di asrama ialah ubat gigi, sabun mandi, serbuk pencuci dan sebagainya. Semuanya ini aku beli di Pekan Tutong, bukannya dibawa dari rumah, kadang-kadang aku ikut kawan-kawanku menunggu van penjual roti paun. Itu pun jika tidak ada belajar malam seperti malam Khamis, Ahad dan hari kelepasan awam. Van itu lalu dekat asrama kami sekitar pukul 8.00 malam dan kami sudah bersedia menunggu sebelum jam tersebut. Biasanya kami akan membeli roti paun dan aiskrim bertangkai.

Oleh kerana duitku sering kali tidak cukup, kan selalu, tidak ikutserta dalam jamuan yang diadakan oleh kelasku. Biasanya ini diadakan setiap penghujung tahun dan perbelanjaannya secara *collection*. Namun begitu mungkin memandangkan aku sahaja yang tidak dapat hadir dan atas jemputan guru kelasku, aku dipelawa juga ke perkumpulan itu. Begitu juga tentang pembayaran buku majalah sekolah dan yuran sekolah, aku sering dibayarkan oleh guru kelasku. Ini juga aku rahsiakan daripada pengetahuan emak dan bapaku. Mengenang perkara ini, aku cukup terharu dan berterima kasih kepada guru-guru ini dan sekarang mungkin mereka sudah bersara, kerana aku sendiri sudah berusia hampir 50 tahun.

Masa untuk emak dan bapa berjumpa dan bersamaku di kawasan asrama, hanya sekejap sahaja. Ini kerana waktu itu sudah hampir tengah hari, aku bergegas naik semula ke atas kerana waktu makan tengah hari sudah hampir. Di asrama ini semua aktiviti mengikut jadual yang diperuntukkan. Waktu makan juga begitu. Semua penuntut yang akan bersekolah pada sebelah petang, akan makan pada pukul 11.30 pagi.

Dalam lubuk hatiku, aku sedih dan terharu berjumpa emak dan bapaku. Sebenarnya, aku dan mungkin juga mereka mengharap masa yang lama dalam pertemuan itu, untuk melepaskan rindu masing-masing. Akan tetapi masa tidak mengizinkan. Namun begitu emak gembira, walaupun nampak letih kerana berjalan kaki dari Pekan Tutong menuju ke asrama ini. Asrama ini jauhnya kira-kira empat kilometer dari Pekan

Tutong dan letaknya betul-betul di lereng bukit. Berjalan kaki di atas jalan raya yang dibubuh tar memang kurang selesa bagi mak dan bapa, lebih-lebih lagi dalam keadaan cuaca yang agak panas.

“Kamipun inda lama di Tutong ani. Tadi kami menumpang motobot Si Kicu dan balik pun ikut ia jua nanti. Ani ada kami bawakan sedikit kelupis beras padi baru,” kata emak sambil menghulurkan bungkusan itu kepada ku.

Memang menjadi kebiasaan, ayah dan mama menumpang Si Kincu, jika hendak mudik ke Pekan Tutong. Ini lebih senang. Dia sentiasa berulang-alik setiap hari mudik ke Tutong mengambil penumpang dengan dikenakan bayaran sebanyak lima ringgit sehalu. Namun begitu emak dan bapa terpaksa berjalan kaki untuk sampai ke rumah kerana perkhidmatan motobot ini berpangkalan di Kampung Layong sahaja. Jauhnya jaraknya Kampung Layong dengan rumah kami, lebih kurang sepuluh kilometer. Mungkin emak dan bapa bertolak awal dari rumah untuk mendapatkan perkhidmatan motobot ini dan mungkin lewat sampai ke rumah apabila mereka pulang. Ini satu pengorbanan mereka buat aku, anak yang mereka sayangi.

Emak dan bapa sengaja tidak menggunakan perkhidmatan teksi sewa untuk sampai ke asramaku. Waktu ini ada beberapa buah teksi sewa di pekan Tutong. Alasannya untuk berjimat belanja, sesudah membayar sewa bot pergi dan balik. Bapa, waktu itu tidak mempunyai pekerjaan tetap cuma bergantung kepada hasil jualan getah dan sekali sekala mendapat kontrak membuat tandas sekolah di kampung. Waktu itu untuk mendapatkan pekerjaan sangat sukar. Tidak ada lapangan pekerjaan yang terdapat di kampung. Yang ada cuma sebagai buruh kasar jalan kecil. Itupun jumlahnya agak terhad dan sudah dipenuhi oleh mereka yang terdahulu.

Keadaan kampung ketika itu serba kekurangan. Kemudahan asas seperti bekalan air paip dan api elektrik belum ada. Keluargaku mendapat bekalan air dari air perigi dan air hujan. Waktu malam kami menggunakan cahaya lampu minyak tanah untuk menerangi suasana

bilik. Kini aku bersyukur kerana keadaan sudah berubah. Sebagai anak jati kampung mungkin masih belum terlambat untukku mengucapkan sebanyak terima kasih kepada pihak yang berkenaan. Tapi sayangnya emak dan bapa tidak lama menikmati kemudahan ini. Mereka telah pergi meninggalkan kampung halaman dan aku buat selama-lamanya.

Tinggal di asrama tidaklah selamanya menyusahkan. Setelah sekian lama kau mendapatkan banyak kawan dan kedudukanku semakin stabil. Merekalah kawanku bermain, berjalan di luar waktu persekolahan atau ketika cuti seperti hari Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam yang lain. Namun begitu, mereka ini masih lagi beruntung kerana walaupun kampung jauh tetapi perhubungan jalan raya baik. Lagipun kebanyakan ahli keluarga mereka terdapat kereta. Jadi mereka sering dijemput pulang setiap hujung minggu atau hari-hari kelepasan awam. Dari rupa muka mereka nampak kegembiraan kerana sering berjumpa dan berkumpul bersama keluarga.

Ini berbeza dengan aku dan beberapa orang yang senasib dengan ku. Ketika cuti awam, kami tidak dapat pulang. Kami hanya duduk di asrama, waktu itu kemudahan asrama tidak banyak. Televisyen tidak ada. Ada kalanya, aku dan beberapa orang kawan menonton tv di berek kediaman guru yang tidak jauh dari asrama. Ini biasanya pada malam Khamis, Ahad atau hari-hari kelepasan awam, apabila belajar malam ditiadakan. Kemudian ketika perlawanan tinju Muhammad Ali disiarkan secara langsung, kami sempat juga menonton beramai-ramai di bilik guru pengawas asrama.

Kemudahan permainan khususnya permainan dalam tidak banyak disediakan. Yang ada hanyalah seperti karum, monopoli, ping pong, di samping sukan padang seperti hoki dan bola tampar dan bola sepak. Hiburan agak terhad. Namun begitu aku beruntung kerana seorang rakan sebilikku mempunyai sebuah radio kaset. Dia selalu memainkan lagu-lagu kegemarannya. Antara lagu-lagu popular di masa itulah nyanyian dari kumpulan-kumpulan seperti Koes Plus, The Mercy's, Deep Purple, Rolling SDtone dan beberapa penyanyi solo seperti Tod Steward, Boeny Taylor, Rhoma Irama dan sebagainya.

“Eh tengah hari ani ada sendiwara ni. Laju tah kitani dengar arah radio Si Saif.” Ajak seorang kawanku, sebaik sahaja selepas makan tengah hari.

Hari itu ialah hari Ahad. Pada hari Ahad biasanya sendiwara radio akan bersiaran di Radio Brunei. Kami pun pergi ke bilik Si Saif. Di sana sudah ramai kawan-kawan yang berminat dengan sendiwara bersedia menanti siaran rancangan itu. Antara sendiwara tempatan yang paling disukai pada ketika itu ialah ‘Cucu Datuk, Kedundung, Puteri Bukit Tempayan Pisang, Bujang Si Gandam, manakala dari radio negara jiran seperti Sri Jenayah.

Sepanjang aku tinggal di asrama ada satu peristiwa paling pahit yang pernah dilalui. Iaitu ketika tiada bekalan air. Di awal tahun 1970an, sumber bekalan air mentah diperolehi dari stesen pam air Sungai Basong. Waktu itu loji pam air mentah Layong belum ada lagi sehinggalah sekitar akhir tahun 1970an. Di awal tahun 1970an. Musim kemarau telah melanda Daerah Tutong. Bekalan air Sungai Basong tidak mampu membekalkan air bersih ke seluruh kawasan pekan Tutong, termasuk asrama kami. Kami terpaksa dicitikan dan pulang ke kampung. Aku sangat gembira kerana dicitikan dan bererti dapat tinggal bersama emak dan bapa.

Di kampungku sungai-sungai kering kuntang. Keluargaku mendapatkan bekalan air bersih dengan mengorek perigi di tebing sungai dan di kawasan paya yang berdekatan dengan hutan. Air sungai banyak yang terputus sehingga menjadi takungan air. Aku, ibu dan ayah sempat menimba beberapa takungan air ini untuk mendapatkan ikan.

Tetapi setelah loji pam bekalan air mentah Layong mula digunakan, kejadian seperti itu tidak lagi berlaku. Hanya yang berlaku ialah terputusnya bekalan air disebabkan oleh kerosakan dan kerja-kerja pengubahsuaian paip air. Ini juga menimbulkan masalah pada kami yang tinggal di asrama. Kami terpaksa mencari sumber air dengan kebijaksanaan sendiri seperti menaiki bumbung bangunan untuk mendapatkan air tangki.

“Bangun-bangun, nada air” teriak seorang kawan membangunkan kami awal-awal pagi untuk segera mandi.

Keadaan pagi itu riuh-rendah, teutamanya di bilik mandi. Oleh kerana keadaan bising kami segera bangun. Dengan membawa bekas sabun dan beberapa perkakas mandi yang lain, kami pergi mencari sumber air. Jika keadaan masih awal yakni, penuntut lain belum datang lagi, kami pergi ke kawasan sekolah kerana di sana banyak bilik air. Ini sangat menyulitkan terutamanya jika bekalan tersebut terputus secara tiba-tiba dan waktu hari persekolahan. Kalau pada hari cuti sekolah, pernah juga beberapa orang kawan mandi di kawasan air terjun, di belakang Bukit Ambok.

“Pengumuman untuk semua. Malam ini night study ditiadakan. Kamu dibenarkan menonton pertunjukan wayang gambar malam ini. Mungkin diadakan di dewan sekolah atau di tempat letak kereta,” kata guru pengawas asrama, yang bertugas ketika itu.

Memang menjadi kebiasaannya jika tayangan wayang gambar diadakan, kami diberikan kelonggaran untuk menonton. Ini termasuklah jika tayangan itu diadakan di Pandang Bukit Bendera dan juga di Sekolah Melayu Muda Hashim. Tayangan wayang percuma ini disediakan oleh Jabatan Penerangan dan juga Jabatan Hal Ehwal Ugama, Tutong. Jabatan-jabatan ini juga dipertanggungjawabkan menayangkan wayang ini di kampung-kampung. Di kampung wayang ini dikenali dengan nama wayang pacak. Pernah satu kali aku dan kawanku balik kampung menumpang kereta wayang ini dari Tutong, ketika wayang ini hendak mengadakan tayangannya di kampungku.

Pengumuman itu tadi diumumkan oleh seorang guru pengawas asrama ketika waktu makan petang, di dewan makan. Biasanya tiap-tiap malam diadakan sesi belajar malam kecuali malam Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam. Sesi belajar ini diadakan dari pukul 7.00 hingga 8.30 malam, di dewan makan itu juga. Manakala penuntut tingkatan 4 dan 5 diberi kelonggaran untuk belajar di bilik belajar, di tingkat bawah asrama masing-masing.

Ini adalah salah satu kebaikan yang tinggal di asrama. Namun begitu ada juga waktu yang membosankan. Umpamanya waktu cuti awam, apabila kawan-kawan lain banyak yang balik kampung masing-masing. Kami yang tidak dapat balik mengisi masa itu dengan jalan-jalan di kawasan sekolah dan asrama. Biasanya, kami akan duduk-duduk di hujung bangunan sekolah yang berhadapan dengan jalan raya.

Sambil duduk ada antara kawan-kawan ini, mengajak berlumba menghitung kereta yang lalu lalang di situ. Ini dilakukan berdasarkan pemilihan warna. Bagi si kawan yang memilih warna putih, dia pasti akan menang kerana waktu itu kereta yang paling banyak ialah kereta warna putih. Perkara ini selalunya dilakukan pada waktu petang, seperti petang Khamis, Sabtu dan hari-hari kelepasan awam, selepas makan malam.

Kadang-kadang kalau ada peluang aku ikut menonton wayang di Pekan Tutong. Itupun tertakluk kepada cerita dan duit saku. Antara cerita yang paling digemari ialah cerita karate dan kungfu. Selain dari itu juga ada filem-filem dari Malaysia, Indonesia. Kadang-kadang aku sanggup pergi lebih awal untuk membeli tiket buat kawan-kawanku. Dengan cara aku biasanya diberi satu tiket percuma sebagai upah. Biasanya kami membeli tiket kelas kambing dengan bayaran hanya 50 sen sahaja. Tayangan wayang ini bermula pukul 7.30 dan berakhir sebelum pukul 9.00. Kami pulang ke asrama beramai-ramai berjalan kaki. Kadang-kadang pulang dengan basah kuyup, jika hujan turun.

“Esok hari Sabtu. Kau balik kampung? Tanya Amir kepada Si Yusof yang duduk di sisiku.

“Awu, hari minggu kami ada panggilan. Abangku mengambil petang esok, lepas sekolah” jawab Yusof.

Beruntung Si Yusof kerana dapat balik. Tidak seperti aku dan beberapa penuntut lain yang senasib denganku. Abang Si Yusof bekerja askar dan mempunyai kereta. Waktu itu sesiapa yang mempunyai abang bekerja askar, dia sering membawa perkakas yang digunakan oleh askar ke asrama. Contohnya Si Yusof, dia sering membawa cookers termasuk

periuik dan beberapa peralatan lain untuk memasak. Kadang-kadang ia meminjamkan kami untuk memasak mee bungkus Maggi. Tetapi sayangnya kadang-kadang sebungkus maggi itu terpaksa dibahagi kepada beberapa orang.

Tinggal di asrama ini, makan minum disediakan dan jenis masakannya sentiasa bertukar-tukar mengikut jadual. Contohnya sarapan pagi kami disediakan sekeping roti kawin dan sebiji telur. Biasanya telur itu masak penuh dan separuh masak secara selang-seli. Manakala pada pagi Jumaat biasanya bersarapan dengan nasi goreng dan mee goreng pada hari Ahad. Begitulah keadaannya setiap pagi. Namun begitu, disebabkan terbiasa, tiba-tiba suatu pagi telur ini tiada dibekalkan, mungkin atas sebab-sebab tertentu, kawan-kawan semua menjadi kecoh. Suasana dewan makan menjadi riuh-rendah dengan bunyi suara dan ketukan sudu.

Kemudian pada waktu makan iaitu makan tengah hari dan makan malam. Kadang-kadang menimbulkan masalah pada tukang masak. Kebanyakkan anak-anak kampung pendalaman banyak yang tidak pandai makan makanan laut. Bagiku bukannya tidak pandai, tetapi buatan cara masakan tersebut tidak membuka selera. Ini menyebabkan tukang masak asrama selalu memberi nasihat dan kadang-kala marah kerana kami tidak makan makanan tersebut. Mereka terpaksa menyediakan makanan gantian. Antara makanan gantian itu ialah sardine, pusu, udang kering atau telur. Bagi yang nakal, dia cuba menyembunyikan lauk asalnya di bawah longgokan nasi untuk mendapatkan makanan gantian ini.

Jadi sepanjang aku tinggal dia asrama ini banyak suka-duka yang telah dirasai. Namun begitu, mungkin pengalaman yang dilalui selama itu telah mendidik aku dan beberapa orang penuntut lain menjadi warga yang berguna. Pengalaman ini juga mengajar kami hidup berdisiplin dan berdikari. Aku terpaksa mencuci pakaian dan mengamas tempat tidur sendiri. Hanya di awal permulaan ku tinggal di asrama sahaja, pakaian sekolahku dicuci oleh saudara perempuan. Aku menghantar dan mengambil setiap petang ketika waktu makan. Aku tinggal di asrama sejak umur sepuluh tahun hinggalah mencapai umur 19 tahun. Hanya menjelang penghujung, keseronokan tinggal di asrama dapat kurasakan

sepenuhnya walaupun dengan perbelanjaan yang sedikit.

Waktu sekarang ini tidak banyak kemudahan asrama diadakan. Sekolah-sekolahpun banyak dibina di kawasan-kawasan strategi sambil dihubungkan dengan jalan raya yang cukup baik. Sekolah-sekolah ini tidak memerlukan asrama kerana penuntutnya diangkut dengan perkhidmatan bas. Ada sebahagian bangunan asrama lama yang tidak lagi digunakan, kini sudahpun di *renovate* menjadi bilik-bilik darjah.

“Bah, anikah sekolah babah dulu atu? Mana asrama yang tempat babah tinggal atu? Tanya anakku sebaik saja kami melintas sekolah tersebut dalam perjalanan ke Pekan Tutong.

“Anilah sekolahnya. Asramanya di sana, tu nah di lereng bukit. Di hujung-hujung atulah kami selalu duduk-duduk, bila nada dibuat masa lapang,” jawabku sambil menunjukkan ke tempat yang dimaksudkan itu.

Kami melintas kawasan persekolahan itu dengan perlahan. Anakku, kedua-duanya menoleh ke bangunan sekolah itu, manakala aku menoleh sekali sekala sahaja, sebab memandu di kawasan sekolah seperti ini perlu berwaspada. Kami terus ke Pekan Tutong.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 7 Januari 2013 dan 12 Januari 2013

Petang Khamis malam Jumaat



Oleh :
Maya Brunei

ADA ketikanya waktu yang berlalu itu menggamit keinginan kita untuk minta dibelai kembali seperti dahulu, walau tidak semesra dan seindah sebelumnya. Kerana waktu dan masa itu sering menghiris luka lama walaupun sudah sembuh.

Petang itu buat pertama kalinya sebuah kereta berwarna kelabu asap perlahan-lahan menyusuri jalan kecil Kampung XXX dan berhenti di hadapan rumah lama yang semacam menyeramkan itu. Wanita berumur akhir 30an itu membuka pintu keretanya dan perlahan. Jalan keluar sambil memandang tepat ke rumah lama itu dengan pandangan sayu dan hiba, dadanya mulai sebak dan berombak, diiringi dengan genangan air matanya membuatkan pandangan wanita berumur akhir 30an itu kabur.

Seorang kanak-kanak perempuan berumur enam tahun berlari-lari mendapatkan ibunya yang duduk di atas anak tangga rumah itu lalu duduk dalam pangkuan ibunya sambil tercungap-cungap keletihan tapi nampak seronok. Kanak-kanak itu cuba memulakan ceritanya tapi masih kengalihan, ibunya senyum memerhatikan gelagat anak perempuannya yang satu-satunya itu.

“Mana abang?” Tanya ibunya sambil mengusap-usap rambut anaknya yang panjang dan basah kerana peluh itu.

“Tunggu durian.” Jawab anaknya tercungap-cungap.

“Belum gugur lagi ... buat apa ditunggu ...” Kata ibunya lagi.

Anak perempuan enam tahun itu bernama Samiah dan yang dipanggilnya abang itu Amir berumur lapan tahun. Mereka cuma dua beradik menjadi penghuni rumah besar itu bersama kedua orang tua mereka.

Beberapa minit kemudian Samiah berlari semula mendapatkan abangnya yang masih menunggu buah durian gugur di kawasan belakang rumah mereka itu.

Hidup di kampung mesti rajin bercucuk tanam, apa lagi yang ditanam itu adalah untuk menyara kehidupan seharian, tanah yang subur di keliling rumah tidak kira luas atau tidak mesti juga ditanam dengan segala macam untuk membesarkan anak-anak dan juga untuk keperluan lain.

Suasana di kampung memang menyeronokkan, kesunyian dan keheningan malam dapat dirasakan ketenangannya, apa lagi waktu itu keaslian alam semula jadi belum tercemar. Air sungai mengalir dengan tenang, air periigi dari alam semula jadi ciptaan Allah terasa sejuk dan nyaman.

“Apapun yang akan terjadi rumah ini jangan ditinggalkan, ia sangat bererti kepada kita sekeluarga.” Harapan suami kepada isterinya.

“Ke mana lagi kita nak pergi bang ... Inikan rumah kita dan kampung halaman kita, biarlah hidup mati kita juga di sini.” Sahut isteri memberikan jaminan.

“Tapi isi dunia ini tidak akan kekal sebagaimana sekarang ini, ia pasti akan berubah juga, sungai-sungai itu satu masa nanti airnya tidak akan mengalir lagi.” Si suami dengan keyakinannya.

“Selagi hujan turun air sungai itu akan tetap mengalir, bang.” Balas isterinya yakin air sungai itu tidak akan kering.

“Kita tidak akan begini selamanya, kerana itu abang harap anak-anak kita tidak akan meninggalkan rumah ini jika kita sudah tidak ada.” Si suami masih berharap.

“Anak-anak kita cuma dua orang bang, mereka tidak akan tergamak meninggalkan kita dan rumah ini ...”

“Jika mereka berkeluarga mereka terpaksa juga meninggalkan kita, sedangkan rumah ini adalah untuk mereka.”

Ketika suami isteri merenung masa hadapan mereka tiba-tiba Amir datang sambil mendukung adiknya Samiah yang menangis kesakitan kerana luka terkena duri buah durian yang bergolek di kakinya. Suami isteri ketawa membuatkan Samiah makin menangis.

“Ini belum lagi apa-apa, kalau abang tidak dukungpun Samiah boleh jalan sendirikan?” Kelembutan dan kehalusan suara seorang ibu itu dapat mengurangkan sakit yang dirasakan oleh Samiah walau cuma sedikit.

Itu prinsip suami isteri ini memang tidak memberi muka kepada anak-anak mereka jika mendapat kecederaan, mereka tidak membiasakan anak-anak mereka itu terlalu manja dengan kesakitan, mereka mahu anak-anak mereka gigih, tahan sakit, tahan lusuh dan tahan antul kerana mereka itu anak-anak kampung yang biasa bangalih dan bajarih.

Itu cuma sebuah keinginan dari yang bergelar ibu bapa kepada anak-anak, tapi segala urusan dan perjalanan hidup sudah diatur dan ditentukan oleh Allah terlebih dahulu sama ada berhasil atau sebaliknya. Kecil-kecil ditimbang ibu sudah besar ditimbang gelombang.

Samiah dan Amir sudah menjadi manusia yang punya tanggungjawab, dan terpaksa meninggalkan kedua orang tua mereka demi sebuah tugas di bandar untuk memulakan hidup di luar dari ketika orang tua mereka, hasil reda dan dorongan kedua orang tua mereka yang ingin melihat mereka berjaya.

Kerana tugas dan tanggungjawab mereka membuatkan mereka sepertinya tidak mempunyai kampung halaman dan tidak mempunyai orang tua mereka tidak berminat lagi untuk menunggu buah durian gugur.

“Rumah sebesar ini cuma kita berdua bang.” Keluhan si isteri setelah merasakan terlalu lama kesunyian ditinggalkan oleh anak-anak.

“Mereka akan pulang juga ke rumah ini jika mereka pencen nanti.” Dengan alunan sedikit merajuk.

“Tapi setelah kita sudah tidak ada bang ...” Putus asa seorang isteri.

“Kita berdoa agar dapat berkumpul semula di rumah ini.” Si suami cuba menyejukkan hati isterinya, walaupun hatinya sendiri tengah panas.

“Kenapa mereka tidak mahu tinggal bersama kita bang?”

“Mereka disediakan tempat tinggal supaya mudah melaksanakan tugas-tugas mereka.”

“Jika mereka kawin mereka juga tidak akan ke sini, bang.”

“Mengapa cakap macam itu ?”

“Mereka akan membeli rumah dan tinggal bersama isteri dan anak-anak mereka.” Kata-kata terakhir dari si isteri.

Penghuni rumah itu tidak bertambah malah kian hari semakin suram dan muram tidak punya cahaya seperti sebelumnya. Suami isteri itu benar-benar kehilangan, anak-anak mereka tidak pulang-pulang ke kampung walau sudah ada kemudahan yang disediakan.

Sepasang warga emas itu meniti hari-hari tua mereka tanpa tawa, gelak ketawa bersama anak-anak mereka seperti dulu, cuma sebuah kenangan manis yang akan mereka bawa ke liang lahad nanti. Anak-anak mereka sudah mabuk dengan tugas-tugas berbakti kepada negara, sedangkan negara tidak pernah menyuruh mereka derhaka kepada orang tua mereka.

Rumah itu sudah lebih 20 tahun ditinggalkan, dalam waktu yang lama itu berhasil menukar rumah itu menjadi barang antik di tepi jalan yang menjadi tontonan kosong orang-orang lalu lalang di kampung itu.

Samiah terkejut apabila salah seorang pengguna jalan kecil itu membunyikan hon keretanya dengan kuat.

Samiah tidak menghiraukannya, kemudian memandang semula ke rumah lama itu. Dengan langkah perlahan Samiah mendekati rumah bersejarah itu.

Baru beberapa langkah, Samiah mendengar suara orang memanggilnya dari arah belakang, suara itu benar-benar macam suara ibunya. Samiah berpaling ke arah suara itu untuk memastikan siapa yang memanggilnya.

Benar ... ibunya berdiri dengan pakaian serba putih di bawah pohon kayu ara sambil menghulurkan kedua tangannya.

Pohon kayu ara di tepi jalan berhadapan dengan rumah lama itu, terbiar berpuluh tahun begitu saja, tidak ada sesiapaupun yang berani menebang pohon kayu ara itu. Kerana itulah pohon kayu ara itu semakin subur dan rendang menambahkan lagi rasa seram dan berdiri bulu roma siapa saja apabila melintasi kawasan itu, apatah lagi ketika hendak masuk waktu Maghrib.

Tanpa berfikir panjang dengan dibaluti rasa kekesalan dan kerinduan selama ini, Samiah menjerit memanggil ibunya sambil berlari menyeberang jalan raya untuk mendapatkan ibunya yang masih menghulurkan tangan di bawah pohon kayu ara itu.

Belum sampai separuh jalan Samiah menyeberang, tiba-tiba sebuah kereta lalu dan melanggar Samiah. Samiah terpelanting dan bergolek ke bawah pohon kayu ara betul-betul di hadapan lembaga berpakaian serba putih menyerupai wajah ibunya itu.

Lembaga berpakaian serba putih menyerupai wajah ibunya itu menjatuhkan tangannya sambil tersenyum. Samiah sempat senyum memandang lembaga berpakaian serba putih menyerupai wajah ibunya itu sebelum ambulans tiba.

Tidak lama selepas itu ... azan Maghrib pun berkumandang.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 20 Mac 2013

Kerana Bunga Tulip



Oleh :
Nurul Husna Binti Mohd. Ali

SELAMAT datang. Boleh saya bantu?” soal Nabilah yang sedang berdiri di hadapan kaunter kepada seorang wanita yang sedang memakai cermin mata hitam.

(Wanita itu membuka cermin mata hitamnya.” saya nak makan.... hmm.. yang tu,” tangannya menunjuk ke arah colonel Chicken Rice Combo.

“Cik yakin ke nak order yang ni?”soal Nabilah. Wanita itu mengerutkan dahinya. “Ha’ah lah. Kenapa kalau saya order makanan tu?”

“Tak lah. Cik kena ingat, makanan ni berkolestrol. Nanti kalau jadi apa-apa dengan Cik, siapa yang susah? Orang tua Cik juga. Saya tak nak lah ada apa-apa jadi dengan cik. Cik tahu tak, ayam yang Cik nak...”

“Eh, yang awak peduli sangat akan hal saya ni kenapa? Suka hati saya lah nak makan apa. Ada saya pakai wang awak nak beli makanan tu?”soal wanita itu, sedikit emosi.

Nabilah menggeleng. “Eh, awak kena ingat sikit.. awak tu cuma pekerja kat sini!. Jangan nak kurang ajar dengan customer awak. Mana bos awak? Saya

nak jumpa dia sekarang!”

Nabilah cuba meminta maaf kepada wanita dihadapannya apabila dia perasan orang lain sudah melihat ke arah mereka. Bagaikan satu drama. Namun wanita itu tetap inginkan untuk berjumpa dengan bosnya. Nabilah menoleh kebelakang apabila terdengar suara bosnya. ‘Mati aku kali ni..’bisik hati Nabilah.

“Saya nak awak pecat pekerja awak ni. Suka hati dia nak tegur apa yang saya patut makan dan tidak- patut makan,” marah wanita itu sehingga pandangan tajamnya dipanahkan ke arah Nabilah. Nabilah tertunduk.

“Maafkan saya Cik. Maafkan juga atas kesalahan pekerja saya. Saya akan suruh pekerja lain ambil order Cik. Mari ikut saya.” Ajak bos Nabilah, Tuan Nasir yang cuba berlembut dengan wanita separuh umur itu.

“Tak payah! Selera saya dah hilang!” bentak wanita itu. Kemudiannya dia berlalu meninggalkan Nabilah dan bosnya.

Nabilah bermain-main dengan jarinya. Dia tahu bosnya sedang memandangnya dengan pandangan yang tajam. “Nabilah !!” jerit bosnya. Nabilah menghampiri Tuan Nasir.

“Mulai hari ni..awak..saya pecat!” tegas suara Tuan Nasir memberi kata muktamad. Nabilah tersentak.

“AKU harap aku dapat lah kerja tu,” ujar Nabilah sebaik dia mengambil tempat di sebelah kawan serumahnya,Hana.

Mereka tinggal bersama-sama sejak tiga tahun yang lalu setelah Hana inginkan tinggal di sebuah apartment. Tuan Haji Kamal, ayah Hana hanya menurut apabila Hana masih tetap berkeras untuk tinggal di apartment dan akan membayar sewa apartment itu sendiri. Dan kerana itu, kini Nabilah tinggal bersama-sama dengan Hana. Di apartment bersama- sama Hana.

“Kerja? Maksud kau.. kerja kat kedai bunga tu?” soal Hana inginkan kepastian. Nabilah mengangguk.

Tiba-tiba apartment Hana kedengaran hilaian tawa yang begitu kuat.

“Eh, Hana. Yang kau ketawa ni kenapa? Aku minta kau doakan lah, bukan ketawakan aku,” Nabilah bersuara.

Setelah ketawanya reda, Hana mula bersuara. “Nabilah sayang... aku bukan ketawakan kau, cuma aku ketawakan gaya kau yang berharap sangat nak dapat kerja tu,” balas Hana.

Nabilah mengerutkan dahi. “Apa yang lucunya. Betul lah tu aku nak dapat kerja tu.”

“Okay, aku nak tanya kat kau.. sepanjang kau kerja kat KFC, kedai perabot, kedai baju, kedai computer, err.. macam-macam kerja lagi lah. Berapa lama kau kerja kat setiap kedai tu?” soal Hana.

Nabilah berfikir sejenak kemudian tersengih. “Tak sampai dua hari pun..”

“Ahh, tahu tak apa,”

“Tapi bukan aku yang berhenti, mereka yang berhentikan aku,”

“Memang lah mereka berhentikan kau sebab kau asyik nak bangkrapkan kedai mereka. Kau tau tak, sepatutnya kau tolong lah mereka dalam memajukan bisnes mereka, bukan menghancurkan,” jelas Hana.

Nabilah terdiam. “Eh, tu bukan salah aku, kan aku buat benda yang baik. Aku tu jujur dalam berniaga.

“Kalau benda tu tak baik untuk pelanggan kita, mestilah aku halang. Betul tak?” Nabilah membetulkan keadaan sebenar supaya kawannya tidak menyalahkan kesalahan itu ke atasnya seratus peratus.

“Yang tu aku sokong lah, tapi kau kena ingat, orang yang nak beli barang tu bukan kawan kau, bukan kawan aku.. jadi itu hak mereka nak beli barang yang mereka suka. Kau kena ingat tu,”

“Okay, Insha ALLAH, kalau aku dapat kerja kat kedai bunga tu, aku tak kan halang customer aku beli barang yang mereka suka,” Nabilah mengangguk tanda dia benar-benar memaksudkan kata yang di tuturkannya.

“Hmm..ya lah tu. Dulu pun kau cakap macam tu juga.. tapi hasilnya... tetap sama juga,”Hana menyindir.

Nabilah tersengih. “Baguslah kau dah faham, tapi aku tetap juga nak kerja kat situ sebab aku nak bayar sewa apartment ni. Kan dah dua bulan aku belum bayar,” Nurul Nabilah mempunyai wajah yang bersih, putih serta memiliki lesung pipit yang menyerlahkan kecantikannya. Kini dia sudah berusia 21 tahun. Ibu bapanya meninggal dunia pada hari terakhir dia menduduki peperiksaan besar A Level tiga tahun lalu kerana kemalangan jalan raya. Usai sahaja selesai kedua orang tuanya dikebumikan, Hana yang merupakan teman baiknya sejak dari tingkatan satu mengajaknya untuk tinggal bersama-samanya.

Kesedihannya terhadap pemergian ibu bapanya sedikit terubat apabila Hana sentiasa berada di sisinya setiap masa sehinggakan dia menerima ajakan Hana untuk tinggal bersamanya sehingga kini.

Awalnya Nabilah agak kekok dan merasa segan untuk tinggal di apartment milik Hana kerana takut dikatakan oleh Tuan Haji Kamal bahawa dia yang meracun fikiran Hana untuk tinggal bersendirian.

Namun apabila Tuan Haji Kamal sendiri yang menyuruhnya menjaga Hana kerana Hana kadangkala mempunyai perangai yang agak keanak-anakan kerana Hana merupakan anak tunggal Tuan Haji Kamal, Nabilah sekadar mengangguk dan berjanji untuk menjaga Hana kerana dia tidak mahu kepercayaan orang terhadapnya hilang begitu sahaja. Namun dia tetap tidak akan lupa untuk membayar sewa setiap bulan walaupun Hana sering menghalangnya untuk membayar dengan mengatakan dia ikhlas menyuruh Nabilah tinggal di situ.

Dia tidak mahu dikatakan mengambil kesempatan di atas kekayaan kawan baiknya ini.

“Nabilah, dah berapa kali aku cakap, kau tak perlu bayar sewa apartment ni kan. Biar aku je yang bayar,” Hana mengingatkan.

“Aku tahu..tapi aku tetap akan bayar juga. Aku tak sedap hati kalau tinggal kat apartment kau ni free je. Aku malu lah kalau tinggal kat sini tapi tak bayar sewa kat sini,”

“Okay lah, kau bayar je bila-bila masa. Aku tak kisah,” Hana akhirnya mengalah.

Dia tahu teman serumah merangkap teman baiknya ini memang melakukan apa saja yang di keluar dari mulutnya tetapi setiap yang dituturkan itu hanya bicara yang jujur.

“ALHAMDULILIAH. Aku dah dapat kerja tu..” ujar Nabilah kepada dirinya sendiri sebaik saja meletakkan telefon bimbitnya di sisinya. “Hana!!” panggil Nabilah sambil kakinya menghayun mencari kelibat Hana. Dia menghempas bahu Hana yang sedang menonton Drama Nur Kasih di Tv3.

Hampir terlompat Hana kerana terkejut.

“Kau ni, tak boleh tengok aku senang hati sikit lah. Apa dia?” soal Hana dengan wajah yang serius. Dia bukan marah, cuma dia geram apabila Nabilah menghempas bahunya sehingga ia terkejut.

“Aku dah dapat kerja kat kedai bunga tu” jawab Nabilah tanpa memperdulikan wajah Hana yang serius.

Dia tahu Hana tidak akan mudah marah dengan dirinya. Lagi pula dia yakin, khabar yang disampaikan sebarang tadi akan mengembirakan hati Hana.

Hana yang mendengar tersenyum lebar. “Betul ke?” soal Hana lagi. Nabilah mengangguk laju.

“Bila kau start kerja?”

“Esok. Kata perempuan yang telefon aku tu, dia nak aku datang kat kedai dia esok. Pukul 8.00 pagi. Tak sabar aku nak kerja kat Kedai bunga SZ tu” balas Nabilah.

“Kedai bunga SZ??” soal Hana seakan terkejut.

Nabilah mengangguk.

“Oh...congratulation. Tapi kan... kenapa kau tak cuba cari kerja jadi Secretary ke, jadi Accountant ke... kan elok. Ataupun kau sambung belajar kat Universiti. Lagi pun result ‘A’ Level kau kan okay,” usul Hana.

Tiba-tiba Nabilah tersenyum. “Kau ni Hana... kalau nak turutkan hatiku, memang lah aku nak cari kerja yang macam tu, tapi... aku kena juga cari duit dulu. Aku nak cari pengalaman dulu dan di samping tu aku dapat bayar sewa apartment ni,” jelas Nabilah.

Hana menjungkit bahu. Dia tahu Nabilah akan membantah jika dia mengatakan dia tidak kisah jika Nabilah tidak membayar sewa apartmentnya.

Hana yang kembali melihat Drama Nur Kasih melirik seketika kepada Nabilah tersenyum-senyum sendirian. Agaknya tidak sabar untuk kerja budak ni, bisik hati Hana.

NABILAH melangkah masuk ke dalam kedai itu dengan penuh debaran.

Maklumlah itu lah kali pertama melangkah masuk ke situ dengan baju t-shirt dengan seluar berwarna hitam. Dulu, sewaktu dia pergi temuduga di tempat itu, dia mengenakan baju kurung Malaysia berwarna hijau pisang.

‘Ini kerja Hana lah ni beri aku pakai baju macam ni,’ bisik hati Nabilah.

“Ehem” kedengaran suara berdehem di belakangnya. Nabilah menoleh.

Kelihatan seorang lelaki yang segar dan yang menampakkan kecomelannya sedang memakai kaca mata! Jantung Nabilah berdegup rancak apabila lelaki itu menghampirinya.

Adakah ini jatuh cinta pandang pertama?

“Awak Nurul Nabilah?”

“Ya... awak nampak bos awak tak? Soalnya dia telefon saya semalam suruh saya datang kat sini,” jelas Nabilah.

“Ikut saya,” arah lelaki itu. Nabilah sekadar mengikut.

Lelaki itu masuk ke dalam bilik yang bertulis MANAGER - SITI ZURAIDAH di luar pintu.

Lelaki itu terus duduk di kerusi Manager sebaik mereka berdua masuk. Nabilah hairan namun dia hanya mendiamkan diri.

“So.. Selamat datang ke kedai kami. Saya...”

“Eh, tunggu... saya datang ke sini nak cari boss awak lah. Saya tahu lah awak comel, tapi tak patut awak main-mainkan saya dengan berlagak seperti bos pula,”

“cik...”

“Nabilah” jelas Nabilah

“Tak kisah lah apa nama awak sekali pun, saya nak beritahu awak. .saya ni anak perempuan yang menginterview awak hari tu. Mama saya sekarang dah beri amanah pada saya untuk jaga kedai bunga ni. Jadi secara rasminya saya adalah bos awak sekarang,”

Nabilah terkejut. Alamak! Bos? Mamat comel ni nak jadi bos aku? Biar betul,.. nanti kalau aku tak tidur malam, dia nak tanggung ke sebab asyik fikirkan wajah comel dia ni?

“Okay, jangan lupa apa yang saya katakan tadi,” Nabilah tersedar. Tadi? Tadi dia kata apa? Aku tak dengar pun?

“Err..Tuan kata apa tadi?”

“Awak ni nak bekerja tapi lupa nak pasang telinga. Saya kata, esok awak mula kerja pukul 10 pagi. Jangan datang lambat sebab saya paling tak suka orang yang tak serius nak bekerja,” Nabilah mengangguk laju. Dia tahu dia perlu menurut perintah orang atasannya supaya dapat mengekalkan posisinya untuk bekerja di sini. Kali ini dia tidak mahu diberhentikan! Nabilah mengembalikan pandangannya kepada lelaki di hadapannya yang merupakan bos barunya. Lelaki itu kelihatannya sedang membelek fail miliknya.

“Keputusan A’ Level awak bagus, kenapa tak sambung belajar? Ataupun nak jadi secretary ke, ataupun accountant?”

‘Soalan dia ni macam soalan Hana lah pula,’ bisiknya.

“Hmm..memang nak, tapi disebabkan masalah kewangan, saya terpaksa meletakkan impian untuk sambung belajar tu ke tempat yang terakhir untuk saya lakukan,” jawab Nabilah.

Untuk yang ke sekian kalinya, lelaki itu memandangnya lagi. Mungkin lelaki itu sedang menganalisis dirinya.

Ataupun dia terpicat dengan aku kot? Kalau macam tu kan seronok, sama-sama suka. Tanpa sedar, Nabilah tersenyum dengan andaiannya.

“Senyum sendiri tu kenapa?” tiba-tiba suara lelaki itu mengejutkannya. Nabilah mengetap bibir.

Terasa pipinya merah menahan malu bila ditegur sebegitu. “Err.. saja. Nah mendapat pahala,” ayat itu saja yang dapat difikirkan oleh Nabila. Diterima atau tidak, itu tertakluk kepada yang menerimanya.

Lelaki itu tersenyum. “Baiklah,” Lelaki itu menyerahkan semula fail di tangannya kepada Nabila.

“Esok jangan datang lewat. Datang seperti yang diarahkan,” dengan tegas, lelaki itu bersuara.

Nabila mengangguk.

“Baik Tuan...”

“Bukan Tuan, panggil saya Abang. Abang Zamri,” ujar lelaki itu.

Lelaki itu ketawa bila melihat mulut Nabilah yang terlopong. “Baru nak bergurau sikit, dah terkejut bagai nak rak. Panggil saya Zamri saja. Saya belum kahwin tau...”

Nabilah sekadar tersenyum cuba menutup kegusaran hatinya dengan senyuman ‘maut’ lelaki dihadapannya ini. Comelnyaaa !

“ENCIK nak beli bunga?” soal Nabilah kepada seorang lelaki yang kelihatan seperti seronok memilih bunga. Lelaki itu mengangguk dan menarik 3 kuntum bunga Lili dan diajukkan kepada Nabilah.

“Saya nak beli yang ni untuk kekasih saya, sila bungkus sebegitu mungkin, okay”.

Nabilah meletakkan semula bunga Lili yang baru diberikan kepadanya.

Kemudian dia mengambil 3 kuntum bunga Ros”. saya rasa lebih baik Encik pilih yang ini sebab selain warna dia yang merah, ia juga harum bila dihidu,” ujar Nabilah sambil tersenyum.

Saya nak bunga Lili tu juga sebab kekasih saya tak suka bunga Ros sebab dia tak suka warna merah,” jelas lelaki itu sambil mengembalikan semula bunga Ros yang dihulurkan kepadanya sebentar tadi.

“Encik..bunga Ros ni harum baunya tau. Encik kena beli yang ini, kalau encik beli bunga Lili ni, mana lah cantik warnanya. Dahlah tu, macam tak ada keistimewaan langsung bila encik beri pada kekasih Encik nanti,” Jelas Nabilah lagi.

Lelaki itu mencampak bunga Ros di situ apabila Nabilah asyik mendesaknyanya untuk membeli bunga itu. Nabilah tersentak.”

Kenapa awak tak faham bahasa ni? Kan saya dah kata kekasih saya tak suka bunga Ros dan tak suka warna merah. Suka hati customer lah nak beli bunga apa pun. Awak sebagai pekerja, ikut je lah! Pandai-pandai je nak tukar. Saya nak jumpa Manager awak. Now!” bentak lelaki itu.

‘Aduh, jangan lah jumpa Manger aku. Kalau kau jumpa, kau boleh buat aku kena pecat kau tahu tak???’ jerit hati Nabilah.

“Ya, Encik. May I help you?” kedengaran suara Zamri di sebelahnya. Nabilah terkejut. Macam mana lelaki ni boleh ada di sini? Siapa panggil dia? “Pekerja awak tak pandai nak buat kerja. Asyik nak sibuk hal orang. sepatutnya dia ikut kehendak pelanggan, bukan kehendak diri dia. Macam lah saya nak beri bunga kat dia !” marah lelaki itu.

“Maafkan atas keterlaluhan pekerja saya. saya akan bertanggungjawab atas kejadian ini. Jadi, Encik nak beli bunga mana tadi?” soal Encik zamri cuba berintonasi dengan lelaki berkemeja biru laut itu.

Lelaki itu tidak menjawab sebaliknya dia meninggalkan kedai bunga itu dengan riak tidak puas hati. Nabilah mengeluh perlahan. Dia tahu lepas ini Zamri akan memarahinya.

Seperti hari sebelum-sebelumnya. Nabilah cuba mendongak sedikit. Cuba melihat wajah Zamri.

Sah! Lelaki itu akan memarahinya kerana pandangan zamri yang seperti ingin menerkamnya. ‘Ya ALLAH, selamatkanlah aku, Ya ALLAH’ doanya.

“Nabilah! Apa nak jadi dengan awak ni? Dah dua minggu awak kerja, dan dua minggu tu juga awak buat kerja yang sama. Asyik nak complain apa orang nak beli. Awak kena ingat, customer always right. Apa dorang nak, kita kena ikut. Bukan dia orang kena ikut kita. Awak faham tak?” soal Zamri. Nabilah hanya menangguk.

Malas dia hendak menjawab, nanti panjang pula leteran lelaki ni sehinggakan mengalahkan Mak Andam.

Zamri terus meninggalkannya sendirian di situ. Walaupun dia sering dikritik, namun dia merasa bangga kerana buat pertama kalinya diabekerja lebih dari 2 hari!.

KEDENGARAN bunyi loceng sebaik pintu masuk di buka menandakan ada orang masuk. Nabilah tersenyum kepada wanita berbaju hitam itu. Nabilah menghampiri wanita itu dan menanyakan bunga apa yang wanita itu inginkan.

Nabilah menarik keluar beberapa kuntum bunga tulip plastik setelah wanita itu menunjuk ke arah bunga itu. “Yang ini?” Wanita itu mengangguk.

“Puan,...”

“Ehem..” Nabilah segera menoleh ke tepi tiang apabila dia terdengar suara orang berdehem. Kelihatan Encik Zamri memberi isyarat kepadanya agar dia tidak mengkomplen apa-apa.

“Puan memang mempunyai citarasa yang baik. Bunga tulip yang sebenarnya mempunyai khasiat yang baik boleh mengubati kepekatan darah yang tidak normal. Stagnasi darah, kanser darah, tekanan darah tinggi dan rendah. Selain itu ia juga boleh mengubati pendarahan dalam kita,” jelas Nabilah.

Dia ada juga terbaca beberapa artikel tentang kelebihan bunga tulip ini. Jadi, tidak salah jika dia mengongsikan dengan orang lain. Lagipun bunga ini juga bunga kegemarannya. Kelihatan wanita itu tersenyum.

“Betul tu. Makcik pun pernah terbaca soal tu kat dalam Internet. Banyak kelebihan bunga tulip ni.”

“Ye ke? Sejak bila Puan minat kat bunga tulip ni?” soal Nabilah ingin tahu sambil kakinya menuruti langkah wanita itu menuju ke kaunter.

“Oh, sebelum makcik kahwin dah. Makcik pun tak tahu kenapa makcik suka dengan bunga tu. Suami makcik pernah juga tegur makcik sebab dalam rumah makcik tu dah penuh dengan bunga tulip. Tak ada bunga lain,” ceritanya sambil ketawa kecil. Nabilah juga turut ketawa.

“Bagus lah Puan ni. Buat saya cemburu pula. Sebenarnya saya nak juga buat macam tu, tapi terpaksa saya batalkan niat saya tu sebab kawan serumah saya tu tak suka bunga,”ujar Nabilah.

“Berapa?”

“\$10.00.” Wanita itu menghulurkan not sepuluh ringgit dan mengambil bunga itu. Kesian kat kamu, kan? Tak apa, kalau ada masa datang lah kat rumah makcik. Boleh tolong makcik cari idea macam mana nak hias bunga tulip kat rumah makcik tu”

“Insha ALLAH,” balas Nabilah sambil tangannya melihat alamat yang baru diberikan oleh wanita itu. Setelah bersalam, wanita itu meninggalkan Nabilah yang sedang tersenyum memandangnya.

Kali ini, pandangannya beralih kepada bosnya, Zamri. Nurul tersenyum bangga apabila lelaki itu menegakkan ibu jarinya sambil tersenyum. Zamri kemudian berlalu menuju ke biliknya.

“Nampaknya aku dah lulus untuk terus kerja kat sini. Tapi bila pula aku nak lulus untuk dapat cinta dia?” soal Nabilah sambil mendongak dagu.

NABILAH keluar dari bilik dan menuju ke ruang tamu. Kelihatan tubuh Hana sedang membaca majalah mingguan wanita. Nabilah menegur. Hana segera menoleh dan menghadaiahkan sebuah senyuman.

“Tak kerja?” soal Hana.

“Tak. Bos aku bagi cuti. Dia kata, buat pertama kali aku buat kerja yang betul.. jadi sebagai hadiah, dia beri aku cuti sehari,” jawab Nabilah menyebabkan Hana berhenti membaca. Pandangannya beralih tepat ke wajah putih Nabilah. Dia cuba memastikan kata-kata Nabilah.

Diberi cuti sehari atau cuti terus? Bukan sekali dua dia mendengar Nabilah berkata seperti itu, malah sudah bekal-kali dan rupanya cuti yang dimaksudkan Nabilah itu adalah dia diberhentikan.

“Baiknya hati bos kau..eh, bos kau lelaki ke?”soal Hana. Kini soalnya bertukar.

Nabilah mula tersenyum sendiri. Tiba-tiba dia teringat kepada zamri. Dia tidak tahu apa yang sedang merasuknya tetapi sejak zamri senyum kepadanya tatkala dia melayan wanita semalam, dia semakin yakin yang itu bukan setakat suka tetapi adalah cinta. Ya cinta! Tetapi mungkin cinta bertepuk sebelah tangan. Nabilah mengeluh sebelum mengangguk.

“Lelaki? Wah..tentu hensem kan? Apasal kau mengeluh ni?”

“Hensem lah juga. Entah lah, aku rasa... aku dah jatuh cinta lah dengan dia.,

“Kau jatuh cinta kat dia?” soal Hana lagi. Nabilah diam. Sesaat kemudian, kedengaran bunyi ketukan di luar pintu.

Nabilah bangun lalu membuka pintu. Kelihatan seorang lelaki menghulurkan bunga tulip kepadanya. “Cik Nurul Nabilah?” soal lelaki itu sambil melihat nama yang tertera di kertas yang dipegangnya. Nabilah mengangguk.

Lelaki itu menghulurkan kertas untuk disain oleh Nabilah. Nabilah mengucapkan terima kasih sebelum lelaki itu meninggalkannya.

Bunga? Kau pesan bunga ke? Kau tau kan aku tak..

“Hana... bukan aku. Aku pun tak tahu siapa yang bagi,” ujar Nabilah jujur. Dia sendiri sekarang sudah tertanda tanya kerana pengirim tidak ada meninggalkan kad atau tanda untuk Nabilah mengetahui siapa yang menghantarnya.

“Aku tahu siapa....” ujar Hana lantas meninggalkan Nabilah yang sedang mengerutkan dahi.

BUNGA lagi? Untuk kesekian kalinya, Nabilah mengeluh lagi. Masuk hari ini, sudah seminggu pengirim tidak bernama memberikannya bunga tulip. Dan yang lebih mengejutkannya, bukan sahaja di rumah, malah di waktu bekerja juga dia mendapat sekuntum bunga. Dia hairan bagaimana pengirim itu tahu tempatnya bekerja. Tidak cukup ke dekat rumah? Sebut pasal rumah, dia bersyukur kerana Hana tidak banyak songeh tentang bunga tulip yang sudah berpuluh-puluh kuntum itu di dalam apartmentnya itu.

Namun kadang-kadang dia hairan kenapa Hana boleh berubah sebegitu. Tidak lagi terlalu anti dengan bunga walaupun kadang-kadang dia akan menutup hidung dengan bau bunga tulip.

Nabilah memandang bunga tulip itu. Dia berharap agar pengirim itu berani memberikan bunga tulip ini kepada dirinya sendiri. Entah lah, tetapi dia merasakan orang yang bersembunyi ini orang yang pengecut. Tidak berani menghadapi kenyataan.

“Nabilah...masuk bilik saya sekarang,” suara Zamri mengejutkannya. Nabilah segera berjalan menuju ke bilik bosnya.

Sejak seminggu lalu, dia cuba sedaya upaya menghilangkan rasa sukanya kepada bosnya ini namun semakin dia cuba menghindari, perasaan itu terus menerus mendekatinya. Malah layanan bosnya terhadapnya menguatkan lagi perasaannya untuk terus perasan. Nabilah mengetuk pintu bilik. Setelah mendapat keizinan, Nabilah mula masuk dan mengambil tempat duduk di hadapan bosnya yang sedang tunduk menghadap sekeping kertas.

‘Tenang lah hati...’ bisik hatinya apabila Zamri memandang dan tersenyum kepadanya.

“Ada apa Zamri panggil saya?”soal Nabilah cuba menutup kekusaran hatinya.

“Saya nak lamar awak....” ujar Zamri perlahan.

Eh? Aku tak salah dengar kan? Dia lamar aku? “Zamri lamar saya?” soal Nabilah. Kalau lelaki dihadapannya ini menganggu serta inginkan jawapan

darinya, tidak perlu berfikir panjang, dia akan setuju.

‘Tak.. Saya baca apa yang kertas ni tulis. Saya tak tahu siapa yang hantar ayat macam ni. Saya terjumpa kat atas lantai tadi,’ jelas Zamri sambil menghulurkan kertas kepada Nabilah. . Nabilah mengambil dan membacanya.

Kepada gadis yang meminati bunga tulip, Saya harap saudari tak marah kalau saya sering hantar bunga ini dekat saudari. Sebenarnya saya sudah meminati saudari sejak kali pertama kita bertemu. Mungkin saudari hairan dari mana saya tahu saudari tinggal di mana, bekerja di mana... tapi ketahuilah, tujuan saya hanya satu. Saya ingin saudari tahu yang saya meminati saudari. Dan tidak keterlaluan kalau saya katakan saya mula menyintai saudari dan yakin saudarilah pilihan hati saya. Seperti malam perlukan bulan dan bintang, seperti itu jugalah saya perlukan saudari dalam hidup saya. Oleh kerana itu, saya mengambil keputusan... saya nak lamar awak. Harap saya akan dapat jawapannya.

From : Someone.

“Awak terima lelaki tu?” soal Zamri sebaik dia melihat Nabilah tersenyum membaca surat itu.

“Macam mana saya nak terima dia, tengok muka dia pun saya tak pernah. Lagipun kalau saya tengok dia pun belum tentu saya nak terima,” ujar Nabilah. ‘Lagipun saya nak tunggu lamaran dari Zamri lah...’ desis hati Nabilah.

“Kenapa tak nak terima? Mungkin lelaki tu betul-betul sayangkan awak. Atau awak dah ada calon sendiri?”duga Zamri.

Malas memanjangkan perbualan Nabilah hanya menggeleng. Jika dia mengaku pun, pasti bosnya ini akan bertanya banyak soalan dan dia takut akan terlepas apa yang ada di hatinya saat ini.

“Kalau dia hensem... awak terima tak dia?” soal Zamri lagi. Nabilah jadi hairan apabila bosnya asyik menyuruhnya menerima lelaki yang mengirinkan bunga tulip itu.

“Hensem ke...tidak ke... saya tetap tak terima. Saya dah ada pilihan hati sendiri, ujar Nabilah tanpa sedar.

Nah...kan dah terlepas. Nabilah mengeluh. Dia yakin dia perlu bersedia untuk menjawab soalan bosnya ini.

“Oh...kalau macam tu, semoga awak gembira dengan pilihan hati awak. Awak boleh keluar sekarang,” ujar Zamri.

Nabilah memandang wajah Zamri. Dia merasakan suara Zamri sudah berubah. Tidak seperti biasa. Kedengaran mendatar.

Adakah dia cemburu? Cemburu? Ah! perasan lah kau Nabilah....

Tiba-tiba pintu terkuak tatkala Nabilah ingin melangkah keluar. Tersentak hati Nabilah apabila dia terpandang wajah Hana di situ. Dia buat apa kat sini??

“Zam...kenapa kau tidak berterus terang lagi kat dia?” soal Hana kepada Zamri yang kelihatannya ikut terkejut dengan kedatangan Hana.

Zam?? Apa hubungan Hana dengan Zamri ni? Kenapa kelihatannya seperti mereka sudah lama mengenali antara satu sama lain.

“Nak buat macam mana lagi Hana...dia dah ada calon sendiri. Tak kan aku nak kacau pulak,” jawab Zamri. Nabilah masih membatu. Dia masih belum mengerti perbincangan dua insan yang berada hampir dengannya.

“Eh, tak kan kau tak faham-faham lagi. Nabilah suka kat kau lah, terang Hana. Zamri kelihatan terkejut. Begitu juga dengan Nabilah. Kenapa Hana perlu beritahu semua itu kepada Zamri?

“Macam mana kau tahu?” soal Encik Zamri.

“Dia cakap kat aku hari tu, dia cakap dia dah jatuh cinta kat kau. Sebelum kau hantar bunga kat rumah aku tu lah,” ujar Hana lagi.

Hantar bunga? Jadi selama ni yang hantar bunga kat aku tu Zamri lah? sebab tu lah dia tahu tempat aku kerja.

Nabilah lantas mengambil semula kertas yang berada di atas meja. Cuba mengenal pasti pemilik tulisan ini. Sah! Ini tulisan Zamri. Dia kenal dengan tulisan itu kerana dia pernah terlihat Zamri menulis sesuatu tatkala dia berjumpa dengan Zamri yang memberikannya cuti sehari minggu lalu. Dia tidak

menyangka Zamri juga menaruh hati kepadanya.

“Betul ke apa yang Hana katakan tu, Nabilah? soal Zamri. Nabilah merasa tiada apa yang perlu disembunyikan lagi. Dia harus jujur. Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.

“Betul. Saya dah suka sejak saya mula kerja kat sini”

“Kalau macam tu, saya tak bertepuk sebelah tangan?” nada Zamri sudah bertukar ceria. Nabilah mengeleng. Zamri menghampirinya.

“Kalau macam tu, awak terima lamaran saya?”

“Direct sungguh awak lamar saya. Tak ada bunga-bunga,” gurau Nabilah.

Hana tersenyum mendengar. Mungkin geli hatinya mendengar pertanyaan Nabilah.

“Saya memang nak bagi ayat bunga-bunga tapi saya tak tahu macam mana. Surat yang tu pun sepupu saya yang ajar.. kalau tak,tak tahu lah saya nak luahkan perasaan saya pada awak,”

“Sepupu?”

“Ha’ah. Tu sepupu saya,” ujar Zamri sambil menunjuk kepada Hana. Nabilah menoleh memandang Hana yang tersengih.

“Tapi..sejak bila awak mula cintakan saya?”

“Sejak awak jadi pelakon tak berbayar masa kat KFC dulu,” ujarnya dengan senyuman nipis.

KFC? Nabilah teringat dirinya yang menjadi tontonan orang ramai tatkala menegur makanan yang ingin dipesan oleh seorang perempuan.

Malunyyaaaaa...

“Awak pula?” Kini, giliran Zamri bertanya.

“Tak tahu... perasaan tu datang tanpa saya undang,” ujar Nabilah.

Sememangnya dia tidak tahu sejak bila Zamri mengetuk pintu hatinya. Zamri tersenyum.

“Mungkin...masa saya suruh awak panggil saya Abang Zamri tu kot? usiknya. Nabilah mencebik.

“Awak terima lamaran saya tadi?” zamri mengajukan soalan yang sama sekali lagi.

“Ya kecuali dengan satu syarat.”

Zamri dan Hana terkejut. Muka mereka jelas menunjukkan seribu pertanyaan apabila mendengar jawapan Nabilah.

“Saya nak dengar ayat bunga-bunga yang dicipta sendiri oleh awak. Bukan ayat orang lain ataupun ayat sepupu awak, Hana,” usul Nabilah sambil tersenyum.

Hana ketawa kecil apabila melihat wajah Zamri yang sudah bertukar kelat.

‘Nabilah....Nabilah... sepupu aku ni mana pandai nak bermadah pujangga’ bisik hati Hana.

“Tak ada syarat lain ke?” soal Zamri. Sambil tersengih, Nabilah menggeleng.

“Err... okay. Tapi... Hana.. kau keluar dulu. Takkan kau nak dengar juga,” Hana sekadar menurut meninggalkan Zamri dan Nabilah di ruang bilik besar itu. Nabilah memeluk tubuh menunggu ayat Zamri. Sebenarnya ini adalah balasan kerana Zamri dan Hana berkomplot untuk mengenakannya.

Patut lah Hana tidak pernah merungut tentang bunga tulip yang sering di hantar ke apartment mereka. Walaupun dia sering menutup hidungnya apabila dia mengambil bunga itu dari penghantar bunga itu. Malah dia tidak perasan apabila sebelum penghantar bunga itu mengetuk pintu, Hana terlebih dahulu memberitahunya bahawa penghantar bunga sekarang berada di dalam lif. Rupanya semua ini ada rancangan mereka berdua. Rasakan !

“Err.. awak um..umpa... umpama. Umpama men..”

Nabilah menahan tawanya dalam hati. Dia tidak mahu Zamri malu apabila ditertawakan.

“Awak boleh buat. Awak cakap je apa yang awak nak cakapkan,” ujar Nabilah memberi semangat.

“Okay! “Zamri melepaskan keluhan. “Nabilah.... Saya tahu saya bukanlah Romeo yang sanggup mati demi mempertahankan cintanya kepada Juliet. Kerana saya adalah Mohamad Zamri, yang akan sentiasa menemani Nurul Nabilah walau ke mana pun dia berada. Saya bukanlah orang kaya yang sanggup membelikan sebuah kereta setiap tahun tapi saya akan pastikan rumah awak dihiasi dengan bunga-bunga tulip setiap hari seperti impian awak. Kerana bunga tulip itulah saya dapat mendekati awak, kerana bunga tulip itu juga menguatkan lagi perasaan saya pada awak. Biarlah apa orang nak kata, saya akan tetap setia di sisi awak. Sehingga ke hujungnya. Nurul Nabilah, sudikah awak menjadi isteri saya?”

“Saya terima lamaran awak. Saya terima.....” balas Nabilah sambil tersenyum.

Airmata kegembiraan yang menitis segera dikesatnya.

“Alhamdulillah Ya ALLAH. Terima kasih kerana memberikan hambaMu ini kegembiraan dan kebahagiaan..” bisik hati Nabilah.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 27 April 2013

Rintik-Rintik Hujan



Oleh :

Maya Brunei

JEJARI halus dan lembut itu perlahan-lahan menyapu cermin yang kabur menutup tulisan yang terukir di batu nisan yang sudah berbelas tahun menjadi penghuni tempat itu. Cermin itu kabur oleh tanah pasir akibat titik-titik air hujan sepanjang tahun, cuma setahun sekali ianya disapu oleh jejari yang sama.

MURAD BIN HAJI HALIM
LAHIR 1953
KEMBALI KE RAHMATULLAH
1995

Wanita berjubah hitam dan bertudung putih berumur awal lima puluhan itu, duduk menghadap nisan sambil membaca Surah Yaa Siin dan sekali sekala menyapu air matanya. Setiap kali dia mengunjungi nisan itu pasti dia akan menangis, walau sudah melangkaui waktu yang lama, namun tangisannya tetap sama.

Nama wanita itu Zainon dan nisan yang dihadapannya itu adalah nisan bekas suaminya, walaupun sudah sekian lama ditinggalkan suaminya namun Zainon tidak terniat untuk mencari pengantinya. Biarlah suaminya itu yang

awal dan juga yang terakhir dalam hidupnya. Itu tekad Zainon, baginya biarlah perkahwinan itu sekali seumur hidup seperti juga mati yang cuma sekali.

“Kau pergi ke kubur seorang diri itu mengapa?”

“Apa yang nak ditakutkan mana ada peragut di kubur ... !”

“Aku bimbangkan kesihatan kau.”

“Belum ada tanda-tanda aku nak mati pun.”

“Jangan bandingkan tenaga kau muda-muda dulu dengan sekarang ini.”

“Jadi ... aku ini dah tualah, patutlah tidak ada laki-laki yang maukan aku.”

Zainon memandang laut yang luas di hadapannya itu dengan sayu, namun sejauh manapun pandangannya dia tidak akan memperolehi apa-apa melainkan kekosongan. Dora juga memandang sama ke laut tapi apa yang mereka nampak tidak sama kerana masing-masing melihat dengan hati dan bukan dengan mata.

Hembusan angin Pantai Serasa petang itu sungguh menyamankan, tambahan lagi matahari perlahan-lahan bersembunyi di balik pohon-pohon ru yang masih rendang walaupun sudah tunjung tiga perempat kerana dimakan usia. Dalam keadaan yang tenang damai itu tidak seorang pun yang terasa matahari kian terbenam.

Pantai Serasa sekarang banyak berubah, selain pembesarannya dilakukan pondok-pondok kekal juga dibina untuk bersantai dan menikmati masa lapang senikmat-nikmatnya.

Tidak siapa yang menyangka longgokan pasir dari potongan sebuah tanjung bagi membina kawasan air dalam yang dijadikan terusan ke pelabuhan sekarang lebih empat puluh tahun dahulu akan menjadi sebuah pantai peranganin. Itulah yang dinamakan pembangunan.

“Apa yang kau lakukan itu tidak elok Zainon.”

“Apa yang tidak eloknya?”

“Murad itu bukan suami kau lagi, bererti dia bukan muhrim kau ..!”

“Aku cuma menghantar makanan untuknya berbuka puasa.”

“Itu betul ... tapi di mata jiran kita ianya nampak sumbang juga.”

“Di rumah itu bukan Murad saja seorang, dia bersama adik-adik dan emaknya.”

“Itulah berbuat sesuatu tidak habis fikir ... sekarang siapa yang gila bayang?”

“Apa nak dikatakan cuma setakat itu jodoh kami. Barangkali Allah tidak mengizinkan kami menjadi suami isteri sampai ke mati.”

“Cara hidup kamu ini tidak pernah dibuat oleh orang yang sudah bercerai ...!”

“Kami cuma bercerai dalam sebuah ikatan perkahwinan tapi dalam ikatan kasih sayang kami sampai ke mati.”

Bersama siulan angin dan deru ombak yang tidak henti-hentinya datang dan pecah di dada batu tembok pantai itu, kenangan Zainon semakin subur walau sudah lama berlalu.

Zainon menamatkan zaman daranya seawal usia tiga puluhan bersama pemuda pilihannya Murad, usia yang dikatakan cukup matang untuk menjadi suri rumah tangga dalam sebuah perkahwinan. Tapi kematangan usia saja belum cukup untuk menjamin dan menjanjikan sebuah rumah tangga yang kekal hingga ke hujung usia.

Jangka hayat perkahwinan mereka cuma bertahan tidak lebih dari lima bulan dan akhirnya Zainon menjadi janda dan Murad menjadi duda.

Itu titik akhir perkongsian hidup mereka walau sudah ditulis dengan tinta emas bukti sama-sama cinta, sama-sama hidup dan sama-sama mati.

Mujurlah mereka belum dikurniakan cahaya mata.

Setiap perpisahan akan ada salah menyalahkan di pihak lain. Tapi bagi Zainon dan Murad semua itu tidak timbul, tidak ada siapa-siapa yang salah atau

dipersalahkan, mereka berdua sama-sama silap dan terburu-buru memilih jalan terakhir itu. Pasti cemburu yang melulu itu berhasil membutakan mata dan hati mereka masing-masing.

Kurang setahun mereka berpisah baru timbul kesedaran dalam diri masing-masing, tapi sudah terlambat, perasaan amarah yang ditaja oleh iblis dan syaitan itu telah menghancurkan segalanya. Mereka tidak boleh rujuk kembali kerana lafaz maut telahpun dihadihkan oleh Murad kepada Zainon yang akan disandangnya hingga ke liang lahad.

Selain daun kering jatuh betul-betul di atas bahu kanan Zainon yang asyik memandang jauh ke lautan itu. Zainon terkejut dan spontan menoleh ke kanan dan kiri, kawannya Dora sudah tidak kelihatan.

Kenangan silamnya banyak memakan waktu di pantai itu hingga tidak terasa hari kian gelap.

Sebenarnya Dora sudah lama menunggu Zainon di dalam keretanya dan membunyikan hon beberapa kali kerana waktu berbuka tinggal beberapa minit saja lagi, tapi bunyi hon itu kalis di telinga Zainon.

“Aku ingat kau nak tidur di pantai?” Sebaik-baik sahaja Zainon menutup pintu kereta.

“Aku bukan monyetlah ..!” Zainon selamba.

“Apa rancangan kau hari raya tahun ini?” Dora mengubah pertanyaan.

“Kau tanya rancangan hari raya tapi puasa belum habis ... !” Zainon.

“Apa salahnya kita merancang.” Dora macam seorang pakar.

“Kita berbuka di sana dulu ...” Zainon menoktah perbualan.

Dora membelok keretanya masuk ke simpang sebelah kanan tahu-tahu keretanya tersadai depan pintu restoran mamak di Jalan Muara itu. Baru beberapa saat mereka duduk dalam restoran itu azan waktu Maghrib mula berkumandang.

“Memang sah kau ini sakit, tidak banyak makanan yang kau telan.” Dora.

“Yang penting rezeki masuk ke dalam jasad kita.” Zainon selamba.

“Itulah jawapan kau jika aku berkata sesuatu ...!” Dora sedikit marah.

Zainon tidak berkata apa-apa, dia tidak mahu saat-saat rezeki masuk ke dalam jasad, apalagi dalam bulan mulia dan berkah itu diiringi dengan kata-kata yang kurang elok, walaupun kata-kata itu cuma biasa-biasa atau dalam jenaka.

“Esok tidak usah Inon hantar makanan untuk abang, biar mak abang saja masak untuk abang.” Murad antara dengan tidak.

“Abang tidak sudi lagikah makan masakan Inon?” Lembut alunan suara Zainon walau dengannya berkata-kata itu bukan lagi suaminya.

“Sekali Inon sudi sejuta kali abang sudi.” Murad memberi keyakinan kepada Zainon.

“Mengapa abang melarang Inon?” Zainon memandang Murad seperti pandangannya ketika mereka masih suami isteri.

“Orang keliling kita tidak mengerti apa yang kita mahukan.” Kekesalan pada raut wajah Murad masih belum terhakis, walau sudah lama dibungkus waktu yang berlari pantas.

“Agama kita tidak melarang Inon berbuat demikian bang.”

“Abang lebih suka Inon memasak untuk abang sampai abang mati nanti...”

“Jangan cakap macam itu bang, biar Inon yang mati dulu.” Sebak dada Zainon mendengar perkataan bekas suaminya itu.

“Kalau Inon mati dulu siapa yang masakkan untuk abang?”

Gelas di tangan Zainon jatuh di atas pinggan yang berisi nasi di hadapannya pinggan itu belah dua. Hari itu cuma Zainon seorang yang bersahur, kerana Dora dilanda musibah bulanannya yang tidak boleh dipantan-pantan itu.

Pada keheningan dan kesunyian tiga suku malam ini, Zainon teringat

itulah masakan terakhir yang diberikannya kepada Murad. Zainon tidak mengetahui selama ini Murad menghidap penyakit kronik. Jantung dan darah tinggi, penyakit senyawa dan sebadan yang jarang berpisah.

Murad pula tidak mahu memberi tahu Zainon tentang penyakitnya itu, kerana dia tidak mahu menyeksa Zainon untuk kali keduanya, cukuplah dengan perbuatannya yang satu itu.

Biarlah dia saja yang menanggungnya.

Dora macam besi berani tercegat di hadapan Zainon. Tanpa berkata apa-apa Dora mengutip serpihan pinggan dan gelas yang berkecai di atas meja itu diikuti oleh Zainon. Jari manis Zainon tersentuh kaca lalu berdarah. Zainon menghisap jarinya yang berdarah itu sambil memandang Dora.

“Kenapa kau pandang aku macam itu?”

“Aku belum jadi pontianaklah ... !”

“Kalau menghadap rezeki ingatan ke tempat lain inilah jadinya”

“Saat-saat seperti ini aku sering teringatkan peristiwa itu. Aku tidak menyangka itulah kali terakhir khidmatku selaku seorang isteri.”

“Bekas isteri ... !” Sampuk Dora keras. “Esok aku bawa kau berjumpa doktor.” sambung Dora.

“Doktor itu bukan kekasih aku...buat apa nak jumpa dia?”

“Dalam bab penyakit doktor itulah kekasih kita awal dan akhir ...!”

“Kalau sudah ajal jumpa doktor pun mati juga...!”

Pagi itu Dora bangun lebih awal daripada Zainon, tidak seperti biasanya Zainon yang bangun dulu dan berkemas untuk pergi kerja. Dora membuka pintu bilik Zainon perlahan-lahan, Dora merasa lega apabila melihat Zainon masih sembahyang dalam keadaan sujud.

Baru saja Dora hendak menutup pintu nalurinya berbisik agar mendekati Zainon yang masih sujud itu.

Belum sempat Dora berbuat apa-apa Zainon sudah jatuh di pangkuannya.

Dora tergamam dan menggerak-gerakkan badan Zainon yang sudah tidak bemaafas itu. Yang cuma tangisan Dora mengiringi kepergian Zainon di pagi Ramadan yang Mubarak itu.

Zainon menyusuli Murad bekas suaminya.

Tahun hadapan tidak ada lagi jejari halus dan lembut yang akan menyapu nama yang tertulis di batu nisan itu ianya akan kabur oleh rintik-rintik hujan buat selama-lamanya selagi hujan turun di Tanah Perkuburan itu.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 29 Jun 2013

Surat untuk Ummi



Oleh :
Mardiah Haji Abdul Gapar

SALAM untuk anak ummi yang selalu marah ummi daripada ketawa. Surat kamu sudah mama terima, begitulah itu baru berani namanya. Berani bercakap jangan takut kalau kamu rasa ada yang tidak benar. Anak mama yang banyak membuat mama sakit hati, yang tidak ada ubatnya dan memang tidak payah dicari ubatnya. Tapi sakit itu akan hilang sendiri bila mama sudah berjumpa dengan kamu anak mama yang berbinang benang kusut.

Anak mama, dalam hidup kamu banyak yang tidak dapat kamu selesaikan ataupun kamu atasi walaupun kamu merasa yang diri kamu terlalu bijak kerana Tuhan akan selalu menguji sejauh mana ketabahan hati kamu di dalam menghadapi semua yang telah ditentukan untuk dirimu adakah kamu akan bersyukur atau kamu akan menangis. Anak mama perjalanan hidup yang kamu lalui masih panjang belum sampai ke penghujungnya dari itu jangan takut hadapi ia dengan hati yang redha dan jangan lupa selalu bersyukur menerima segalanya itulah tandanya yang kita masih ingat siapa diri kita yang hidup di dunia yang hanya sementara itu.

Mama tahu kamu ingin memberi yang terbaik untuk anak-anak kamu, walaupun hanya sebulan sekali itupun kamu tetap bersyukur.

Walau dihati kamu merasa terlalu berat bila memikirkan ada lagi yang harus akan kamu beli, tapi demi anak-anak yang sangat kau sayangi kamu sanggup membahagikan wang yang ada di tangan kamu menjadi dua bahagian, satu untuk perbelanjaan dapur dan sebahagian lagi untuk anak-anak kamu. Kamu sanggup berlajar demi anak-anakmu. Anak mama, adakah kamu tahu yang mama selalu menangis bila melihat kehidupan yang kamu hadapi hari ini, tapi mama juga selalu bersyukur kepada Tuhan kerana kamu tetap tabah walaupun kamu merasa hidup kamu seperti ranting yang telah patah. Mama selalu berdoa semoga kamu tetap sabar menghadapi semua ini, kerana perjalanan hidupmu masih panjang lagi.

Anak mama, sejahat manapun mama kepada kamu tapi di hati mama kamulah tempat mama bermanja dan kamu jugalah permata hati mama dan kamu juga adalah teman mama bercerita bila kita berjumpa dan tempat mama mengadu di kala mama bersedih.

Mama senang bila bersama dengan kamu kerana mama tahu kamu anak adalah anak mama yang sangat manja.

Dari itu janganlah anak mama susah hati kalau mama atau bapa kamu selalu marah pada diri kamu, kamu masih beruntung wahai anak mama kerana masih punya mama dan bapa walaupun kami berdua selalu marah tapi kami juga sangat menyayangi dirimu. Sebab itulah, bila kamu di dalam kesusahan hati kami berdua tidak dapat menerima semua itu kerana sejak kamu dilahirkan berdua dengan abang kamu hidup kamu tidak pernah susah. Kamu adalah anak emas pada mama dan bapa, juga adik kesayangan kepada abang kamu selama lima tahun sebelum adik kamu Ummi Sukarni mama lahirkan.

Sebab itulah, mama tidak dapat menerima bila melihat hidup yang kamu hadapi hari ini sangat menyakitkan hati mama dan bapa.

Tapi apa yang dapat mama buat kerana semua itu sudah menjadi takdir dirimu. Kamu harus bersedia menerimanya dan berserah kepada yang berkuasa. Semoga kamu tabah dan jangan bimbang mama dan bapa akan tetap berdiri bersama dengan kamu. Anak mama tidak akan rebah selagi mama dan bapa masih hidup kerana kamu adalah milik kami dan kamu juga adalah anak kesayangan kami. Kamu tahu itukan wahai anak mama, walaupun mama dan bapa tidak dapat menerima apa yang kamu hadapi dengan hidup kamu hari ini, dan kami juga seperti tidak percaya kenapa kamu harus berhadapan dengan kesusahan yang tidak pernah ada kesudahannya.

Adakalanya seperti di wajah kamu sudah lali dengan masalah yang kamu hadapi, tapi bila direnung ke dalam mata kamu seperti ada manik-manik yang akan putus membasahi pipi kamu. Walau kamu tersenyum untuk melindungi apa yang ada di hati kamu, tapi mata mama dapat melihatnya dan hati mama juga dapat merasa pilunya kerana di dada kamu ada tersimpan duka yang amat menyeksa hidup kamu. Mama takut hidup kamu akan begini sampai mama menutup mata. Seandainya mama sudah tiada lagi kemanakah kamu akan membawa nasib diri kamu dan juga nasib anak-anak kamu.

Semua itu menjadi persoalan di hati mama seperti mama takut meninggalkan dunia ini bila mengenangkan dirimu, kerana mama tahu kamu yang akan menjaga mama dan bapa bila sudah tua dan mengasuh kami berdua bila kami sakit. Kamu juga yang akan menguruskan jasad kami bila kami berdua sudah meninggal dunia nanti. Semua itu, terserah pada kamu wahai anak mama. Terdayakah kamu memikul semua itu wahai sayangku.

Walaupun banyak yang berkata pada mama yang wajah kamu sama seperti mama, mama berharap semoga hati kamu juga sama seperti hati mama yang tidak pernah mengalah dan tidak pernah berputus asa, berani berhadapan dengan apa juga yang datang di dalam hidup mama semoga itu ada di jiwa kamu wahai anak kesayanganku.

Mama tidak merasa kesal bila kamu selalu mengatakan yang mama tidak sayang pada kamu.

Adakalanya mama juga merasa senang bila kamu bercerita tentang kesedihan hati kamu kepada mama.

Di sana mama dapat rasakan yang anak mama ini masih kecil lagi belum punya keberanian tapi punya otak yang pintar dan sampai tua ingin hidup di bawah ketiak mama.

Jadi kalau mama selalu marah pada kamu jangan kamu suka merajuk kerana kamu masih lagi memerlukan mama sebagai pendengar keluhan hati kamu. Anak mama dengar pesan daripada mama setiap hari kamu akan berhadapan dengan liku-liku hidup yang tidak pernah akan terduga oleh kamu apa yang akan terjadi, kerana semua itu adalah rahsia Tuhan, kerana setiap hari yang kamu lalui hanyalah kesedihan hati kamu yang tidak ada seorang pun tahu akan tangisan hati kamu.

Dan jangan sekali kamu bayangkan di ujung jalan yang kamualui tu ada mahligai yang menanti kamu.

Jangan harapkan semua itu dan jangan angankan itu datang pada dirimu, Kerana kalau itu yang kamu harapkan kamu akan lelah dan kepenatan dibuatnya.

Tapi buatlah apa yang kamu buat hari ini adalah untuk kehidupan kamu di masa yang akan datang, semoga Tuhan memberi rahmat dan bermohonlah kepada-Nya selalu meminta perlindungan dari kejahatan dunia dan jangan meminta harta dunia yang tidak ada gunanya.

Jujurlah bila ada teman bersamamu, dan hormati ketua yang menjadi ketua pada dirimu walaupun mereka lebih muda daripada kamu pesan mama yang terakhir.

Kalau badai datang dalam hidupmu bererti hujan akan turun itu satu petanda bersedialah kamu wahai anak kesayanganku. Mungkin kamu dapat bertahan dan mencari tempat untuk berlindung. Tapi ingat, bila puting-beliung yang lalu di hadapan kamu tidak siapa yang dapat menolong dirimu kecuali dengan kebesaran Tuhan yang Esa, salam dari mama. Anak kesayangan mama Ummi Hurainni yang banyak menangis daripada ketawa, yang banyak susahnyadari pada sukanya.

Semoga anak mama akan bahagia bila menghadapi hari-hari tua bersama dengan anak-anak yang kamu sayangi.

Sehelai surat pengganti diri,
Untuk anak yang dikasihi,
Bila kau tidur di siang hari,
Jangan berlian ingin kau miliki.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 27 Julai 2013

Tray Telor



Oleh :
M.A. Rahman

HAJI ALI tergesa-gesa menuruni anak tangga dalam rumahnya, bagi mendapatkan Chong yang membaiki kerosakan pam air tangki rumahnya yang terletak di belakang dapur.

Terasa letih juga bagi Haji Ali yang sudah berumur enam puluh dua tahun dengan ketinggian lima kaki enam inci dan dengan kebaratan badan tujuh puluh kilogram. Sudah sampai di belakang dapur, dekat dengan pam air juga dekat dengan tangki air dengan kandungan seribu dua ratus liter. Chong berdiri setelah siap mengganti bom dua belas beritanya yang hanya sekarang berkemampuan tujuh point satu lapan.

“Haji, saya sudah ganti dengan yang baru, dan ini bom dua belas yang sudah ditukar,” kata Chong sambil menunjukkan ke tanah tempat terletakinya bom dua belas berkenaan.

Haji Ali mengambil dan memerhatikan apa yang dikatakan oleh Chong sebagai bom dua belas yang berbentuk seperti buluh dengan garis pusat satu inci dan panjang ukuran lapan inci.

Saja-saja berkata, “Sudah pasang dan sekarang air boleh naik pada tingkat atas,” sambil tangan kanan Haji Ali menunjuk ke tingkat atas rumahnya.

“Jangan susah haji, air akan naik ke atas seperti biasa,” jawab Chong juga sambil memandang arah pam air yang sudah mengeluarkan bunyi sekiranya dapat berfungsi dengan baik dan seperti biasa.

Chong kali terakhir mengganti dan memasang kipas pada pam berkenaan, kira-kira empat tahun yang lalu.

“Berapa semua?” tiba-tiba Haji Ali berkata kepada Chong sambil tangan kirinya saja-saja meramas dan menyaluk kocek seluar panjang sukannya yang berwarna biru dan baju putih pendek.

Tanpa berlengah-lengah lagi dengan cepat Chong menjawab, “Tujuh puluh ringgit saja,” dengan menoleh arah Haji Ali.

“Enam puluh ringgit saja,” tiba-tiba isteri Haji Ali minta kurang pada harga yang sudah ditetapkan.

Jawab Chong, “Tidak apa, kalau tempat lain tujuh puluh ringgit,” sambil membuka topi di kepalanya yang sudah agak lama dan mengipas pada badannya yang terasa panas, pada waktu itu berkebetulan pukul sepuluh tiga puluh pagi juga dengan bahang dari cahaya matahari.

Tangan kanan Haji Ali, tanpa berlengah-lengah lagi membunuh nyamuk yang hingga pada belakang tapak tangan kiri, nyamuk yang agak besar mati dan dapat dilihat darah yang telah dihisap dari tangan tadi.

Chong agak senyum sedikit melihat telatah Haji Ali yang darah manis dan dia datang sambil selamba. Tanpa menoleh arah Chong, Haji Ali hanya berkata, “Darah manis, sebab itu nyamuk datang,” sambil mengambil bangkai yang sudah mati lalu ditepisnya.

Chong berjalan ke arah kereta Toyota Corolla wegan warna putih dengan penuh berisi perkakas yang ada kaitan dengan pemasangan paip dan pam air. Sehiggakan tempat duduk depan sebelah kiri ada terdapat lebih kurang lima keping tray 30 biji telur warna biru.

Semua tempat yang lain penuh dengan peralatan paip sehingga tidak ada tempat dapat duduk lagi.

Haji Ali tanpa berlengah lagi terus mengikut dari belakang dengan maksud

Chong akan mengambil dan menulis resit bayaran perkakas ganti dan upah tadi.

“Ini wangnya,” tiba-tiba isteri Haji Ali berkata dengan menunjukkan kepada Haji Ali dengan wang enam puluh ringgit di tangan kanannya. Sambil kehairanan melihat tray telur di atas tempat duduk itu Haji Ali bertanya dengan berjenaka, “Chong, jual telurkah?” dan menyambung “buat resit,” mengarahkan Chong berbuat seperti diarahkan.

Chong mengambil wang enam puluh ringgit dan memasukkan ke dalam beg wang dan terus menyimpan beg wang ke belakang seluar panjang biru sebelah kanan.

Pertanyaan tentang tray telur belum dijawab, kerana menulis ke dalam resit penerimaan wang yang dikehendaki oleh pelanggan.

Sesudah selesai berbuat apa yang dipinta dan memberikan apa yang dipinta Chong sambil berkata, “Terima kasih Haji,” dan terus dijawab oleh Haji Ali dengan, “Sama-sama dan juga terima kasih. Jika ada masalah akan saya hubungi lagi,” tanpa menoleh arah Chong.

Pada wajah Chong ada nampak keraguan pada pam air dan tanpa berlengah lagi terus menuju ke pam air berkenaan dengan diikuti dari belakang oleh Haji Ali.

Dengan duduk mencangkung seperti pekerja sedang memasang tali lantai rumah, menghadap pump air dengan tapak tangan kanan menekan alat paling atas flow and pressure control.

Sebaik sahaja tapak tangan kanan Chong menekan baharulah pump air berkenaan mengeluarkan bunyi yang menandakan berfungsi serta merta air tidak boleh naik pada tingkat atas dan juga tingkat bawah.

Bercakap sambil menghilangkan kepala dan menoleh kepada Haji Ali dengan tangan pula pada pump berkenaan, “Haji, ini flow dan pressure control rosak, maaf Haji ah, kalau tidak mana boleh air naik atas,” sambil melap mukanya dengan tuala kecil biru yang sentiasa ada pada bahu kanannya.

Dengan sedikit sedih Haji Ali berkata, serta kedua tangan seperti orang bersifat bagi mengelakkan serangan nyamuk yang menghisap darah, “Tidak boleh ganti yang dalam saja, Chong,” dengan masih lagi duduk mencangkung

dekat Chong dan menghadap pam air.

Yang dibawa bercakap hanya tersenyum, bukan sebab perkakas yang dimaksudkan untuk diganti baru, bahkan juga melihat telatah Haji Ali yang mengelakkan dari digigit nyamuk.

“Begini Haji, ah barang ini kalau tidak diganti nanti air tidak boleh naik. Benar kipas masih lagi baik dan bagus,” jawab Chong sambil tepat pada Haji Ali.

Macam berfikir sejenak nampak pada tuan rumah dan terus berkata, “Barang ada bawa untuk ganti?” sambil berdiri dan mengibaskan tangan bagi saja mengelakkan dari serangan digigit nyamuk.

Nampak pada Chong, serangan nyamuk masih belum banyak dan tidak pada tahap membimbangkan bagi dirinya. Tapi lain pula pada pandangan untuk Haji Ali agak mencemaskan dengan serangan nyamuk yang cemas dibuatnya kerana nyamuk sentiasa berkeliaran pada seluruh badan Haji Ali.

“Barang ada dan juga sudah boleh ganti,” balas Chong dengan kehendak Haji Ali yang agak terpaksa dan mencemaskan pada nyamuk yang susah untuk bagi satu tindakan menghadapinya. Tiba-tiba Haji Ali berjalan mendapatkan isterinya yang ada di dapur rumah dan memberitahu tentang masalah yang ada pada pam air mereka.

“Taukeh, kalau ganti yang baru berapa harga barang dan termasuk upahnya sekali,” minta kasihan isteri Haji Ali kepada Chong yang keluar dekat pintu dapur bagi dapat satu kepastian.

Balas Chong, “Barang ada bawa, semua masuk upah hanya sembilan puluh ringgit sahaja,” memberikan penjelasan pada yang bertanya tadi sambil menoleh pada pump air.

Tanpa banyak bicara isteri Haji Ali bersetuju, “Pasang nanti susah juga untuk mandi, masak dan cuci,” memberikan satu persetujuan pada hal yang telah terjadi dan tidak disangka-sangka.

Chong tanpa berlengah lagi terus berjalan ke keretanya dan mencari barang yang baru untuk mengganti yang rosak, memang sentiasa ada dalam keretanya.

Sambil meletakkan, “Haji, ini barang baru dan saya akan ganti yang lama,” dekat pump air, terus membuka kotak bagi kerja seterusnya.

Apalagi Haji Ali terus duduk mencangkung dekat alat ganti sambil tangan bersedia untuk membunuh nyamuk yang berkeliaran untuk mencari mangsa pada peluang yang ada.

Tidak lama kemudian kedengaran Chong menutup pintu depan kiri dan membawa tray telur serta pemetik api. Sambil berjalan menyalakan tray telur pada dua sudut yang bertentangan dan sudah tentu api akan menyala serta merta. Tuan rumah sambil melihat dan agak terkejut melihat dan tercium bau api dan hangus. Dengan hairan hanya menunggu apa selanjutnya yang akan lagi dibuat oleh tukang yang diundang. Sambil tersenyum puas dengan kedua tangan membahagi dua tray telur yang sedang menyala. Sesudah terbahagi dua diletakkan berdekatan dengan pam air dalam jarak satu ela antara satu dengan yang lain di tanah.

Haji Ali hanya mampu tersenyum, tersenyum dan hairan dengan perlakuan Chong tersebut. Sesudah tray di atas tanah dengan segera tukang paip memijak dengan kaki tangan supaya api tidak akan menyala dan hanya mengeluarkan asap sahaja.

Setelah tersenyum dan puas baharulah Chong tanpa berlengah lagi terus menjalankan tugas bagi megganti alat yang rosak dan berkata, “Haji tolong matikan suis tangki air,” dengan sambil lewa dan membuka alat yang rosak.

Tuan rumah hanya berkata sambil duduk, “Tutup suis air,” kerana tidak ada terasa gangguan nyamuk disebabkan asap sudah berada pada sisi badan Haji Ali dan Chong.

“Sekarang sudah setengah Haji, nyamuk tidak datang lagi dan Haji juga tidak susah hati,” dengan kedua tangan pantas mengganti perkakas yang rosak diganti dengan yang baru.

Jelas pengalaman mengajar kepada Haji Ali tentang apa yang telah dibuktikan dan dilakukan oleh hanya seorang tukang membaiki kerosakkan pump air. Dapat bagi menghalang diri kita dari didekati oleh nyamuk yang menghisap darah kita dari hanya keputulan asap tray 30 biji telur yang dibakar.

Melihat keadaan selesa untuk menjalankan tugas dari diganggu oleh

nyamuk, “Abang kita menghalau nyamuk dengan cara ini juga?” ingin penjelasan dengan tindakan. Lantas yang diajukan pertanyaan hanya menjawab, “Tidak, dia pakai sheltax yang dibeli dari kedai, yang ini hanya dari bahan terbuang,” jelasnya dengan terus tekun bekerja pada tugasnya.

Tanpa disedari kerja mengganti sudah selesai dan berat memberikan arahan sambil berdiri, “Buka suis pam.” Yang dipinta terus ke dapur dan membuat apa yang diarahkan dan dipinta. Pump air sekarang sudah mula berfungsi dengan baik seperti biasa, dan jelas tergambar kegembiraan pada pengguna.

“Ya Allah, asap apa ni,” tiba-tiba isteri Haji Ali berada depan pintu dapur dengan tangan kanan memegang wang seratus ringgit untuk harga barang dan upah.

Kedua lelaki itu dalam keadaan tenang dan Haji Ali mengeluarkan semula resit tadi bagi diberikan untuk menambah catatan bekerja yang baru selesai.

Sambil menulis pada resit terus berkata, “Tidak ada apa-apa hajah, hanya untuk buru nyamuk supaya Haji tidak apwah membunuh nyamuk.”

Sudah siap menulis terus diberikan kepada yang berhak menerimanya dengan kata, “Terima kasih,” lalu jawab, “Sama-sama dan terima kasih,” terus menuju ke arah kereta bagi kerja pada tempat yang lalu.

Tukang yang sudah lama memberikan khidmat air sekarang sudah meninggalkan pergi dan juga pengalaman baru tentang memburu nyamuk.

Pengetahuan baru ini akan dapat digunakan jika berhadapan dengan nyamuk yang hanya kerjanya menghisap darah termasuk darah Haji Ali.

Haji Ali nampak Chong bergegas hendak menuju tempat yang lain, begitu juga bagi tuan rumah bergegas masuk ke rumahnya.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 17 Ogos 2013

Hujung pertemuan



Oleh :

Maya Brunei

KETIKA ini kedua orang tuaku berada di Tanah Haram bagi mengerjakan ibadah haji. Moga Allah menganugerahkan haji yang mabrur kepada mereka. Haji yang mabrur itu balasannya adalah Syurga. Masya-Allah ...!

Aku tidak dapat membayangkan bagaimana hidup tanpa cinta dalam melayari sebuah rumahtangga seperti kedua-dua orang tuaku itu, tapi kenyataannya kedua orang tuaku itu nampak bahagia hingga ke saat ini.

Ibuku tidak menyintai ayahku, itu kata emak saudaraku semasa meraikan hari ulang tahun yang ke empat puluh perkahwinan mereka lima hari lepas. Jelasnya aku dilahirkan tanpa cinta kedua orang tuaku.

Itu yang lalu-lalang dan pasang surut dalam kotak fikiran IZAM hingga ke hari ini. Ada kalanya dia cuba melupakan semua itu tapi tidak berhasil. Apa yang dirasakannya dalam hidup ini serba serbi memerlukan wang untuk menyara makan pakai, demikian juga yang dinamakan cinta untuk menyara keenakan dalam melayari kehidupan berumah tangga yang bahagia.

“U ada potensi yang baik untuk menjadi penguasa wanita yang berjaya.” Pujian ikhlas daripada seorang peserta luar negara dalam satu Majlis Penutupan Seminar Keusahawanan yang diadakan di sebuah hotel terkemuka Bandar Seri

Begawan.

“Saya usahawan kecil mana mampu bersaing dengan usahawan-usahawan besar yang maju.” Faridah belum yakin dengan kebolehan yang dimilikinya.

“Saya juga bemula dari bawah tapi u lihat sekarang, saya berjaya mengubah hidup saya jauh lebih baik daripada sebelumnya.” Mr. Rama meyakinkan Faridah hingga membandingkan dirinya sebagai contoh.

“Bagaimana u tau saya punya semua itu?” Faridah seperti merendahkan diri.

“Saya tertarik dengan kertas kerja u itu, lengkap dan punya strategi yang menarik.” Mr. Rama memuji lagi.

“Itu cuma cadangan dalam kertas.” Faridah merendahkan diri lagi tidak mahu dipuji tapi dalam hatinya menjerit bangga.

Faridah mendengar pendapat Mr. Rama itu bagaikan angin lalu saja, walaupun kata-katanya itu benar, jujur dan ikhlas. Kerana keikhlasan dan kejujuran itu perlu ada dalam setiap orang, apa lagi dalam diri seorang Muslimah seperti Faridah.

Dalam masa yang singkat sahaja Faridah memperolehi banyak pengalaman dan pengetahuan serta pengajaran dalam seminar itu, ditambah lagi dengan pengalamannya yang sedia ada. Faridah mula meletakkan dirinya selaku usahawan yang serius.

Satu hari Mr. Rama ingin berhijrah ke Negara Brunei Darussalam, sebetulnya Faridah tidak suka Mr. Rama datang ke Brunei. Hati kecilnya seratus peratus menolak dan membuat pelbagai alasan, tapi nalurinya merasakan jangan cuba-cuba berbohong kerana berbohong itu adalah satu dosa.

Faridah terpaksa menerima kedatangan Mr. Rama yang jauh-jauh datang cuma untuk memesrakan dirinya dengan niaga berunsurkan Islam. Di sudut yang lain pula Faridah mula merasakan perniagaannya sudah mulai mendapat tempat di luar negara dan merasakan ini jua satu kewajibannya untuk berdakwah dalam perniagaan.

Mr. Rama sudah berada di bumi bertuah, semasa berada di Negara Brunei

Darussalam banyak yang diperolehi Mr. Rama daripada Faridah, bukan sahaja bersangkutan paut dengna perniagaan malah juga apa yang dinamakan halal dan haram yang selama ini tidak diketahui oleh Mr. Rama.

Faridah juga banyak mendapat manfaat daripada Mr. Rama selama dia berada di Brunei, peribahasa mengatakan masa itu adalah emas, apalagi bagi ahli perniagaan seperti Faridah dan Mr. Rama yang setiap detik perbualan mereka adalah merupakan keuntungan mahupun kerugian.

Mr. Rama merasakan sesuatu yang aneh apabila berada di Negara Brunei Darussalam sudah banyak negara yang kunjungi oleh Mr. Rama semuanya adalah sama, tidak banyak memberikan ketenangan berbanding dengan Negara Brunei Darussalam ini yang begitu terasa kelainannya.

Setiap waktu azan berkumandang dari masjid, Mr. Rama akan terpegun seolah-olah tidak pernah mendengarnya, walaupun di negaranya sendiri sesekali terdengar tapi Mr. Rama terasa berat hendak meninggalkan Negara Brunei Darussalam yang banyak memberikan nafas baru dalam hidupnya apalagi karyanya. Mr. Rama senang berbual tentang keamanan dan keselamatan tidak perlu dibimbangkan di negara ini.

Pulangnyanya Mr. Rama bagi Faridah bagaikan terlepas daripada ikatan rantai besi kerana itu Faridah tidak perlu melihat pesawat RBA yang terbang tinggi itu hingga sebesar tahi mata, sebaliknya berharap itulah perjumpaannya yang terakhir dengan Mr. Rama.

“Saya akan tanam modal dalam syarikat u selaku sumbangan peribadi dari saya.” Mr. Rama mula membuka tawaran.

“U tolong saya ikhlas atau hendakkan sesuatu yang lain daripada saya?”

Faridah mula berfikiran negatif, apa tidaknya dalam masa yang singkat sahaja Mr. Rama sudah berani menanam modal dalam syarikatnya, sedangkan di pihak lain terutamanya bank teragak-agak untuk memberikan bantuan kewangan, walaupun syarikatnya itu sudah mempunyai tapak yang kukuh di bumi tumpah darahnya sendiri.

“Saya banyak wang...berapa ramai perempuanpun saya boleh dapatkan jika saya mau.” Mr. Rama faham dan mengerti apa yang dimaksudkan oleh Faridah.

Ketiadaan Mr. Rama memberikan keceriaan dan kekuataannya untuk terus berusaha dengan lebih aktif. Tapi semua itu cuma sekejap, ianya berulang kembali dengan kemunculan mengejut Mr. Rama untuk kedua kalinya di Negara Brunei Darussalam.

Dengan rasa terpaksa Faridah menjalankan tanggungjawabnya sebagai serorang kawan dan bersedia memberikan kerjasama kepada Mr. Rama sebagai balas budi, walaupun budi itu tidak dapat dibalas. Orang berbudi kita berbahasa.

“Sebenarnya saya sudahpun memeluk agama Islam. Jelas Mr. Rama apabila salamnya tidak dijawab oleh Faridah.

Mr. Rama menggunakan nama Islamnya sebagai Abdul Rahim bin Abdullah. Faridah senyum lalu menjawab salam daripada Abd. Rahim (Mr. Rama), ketika mereka bertemu di Lapangan Terbang.

“Apa yang menyebabkan u tertarik lalu memeluk agama Islam itu?”

“Banyak ...”

“Satu daripadanya?”

“Saya tidak menyangka kedatangan saya ke sini merubah pegangan hidup saya.”

“Barangkali itu cuma kebetulan?” Faridah.

“Kata ustaz semua kejadian itu ada hikmahnya.” Abdul Rahim.

“Sejauh ini apa yang u rasakan setelah menjadi saudara baru?”

“Brunei Darussalam banyak mengajar saya untuk melihat orang-orang Melayu dan Islam.” Itu perbualan mereka sepanjang perjalanan dari Lapangan Terbang ke hotel tempat Abdul Rahim menginap.

Melalui pertemuan Faridah dengan Abdul Rahim itu berhasil melahirkan seorang lagi muslim yang akan menyembah Allah, dan itu adalah juga satu dakwah daripada Faridah melalui perniagaan.

Faridah merasakan sejak hadirnya Abdul Rahim, ketrampilannya dalam

bidang niaga macam air pasang naik mendadak. Ini membuatkan Faridah merasa pelik dan macam tidak percaya dengan perjalanan usahanya sekarang ini.

Faridah bersyukur dengan apa yang diperolehinya selama ini, tapi Faridah tidak mahu ada orang lain di belakang kejayaannya itu. Faridah mahukan kejayaan dan keberhasilan daripada daya usahanya sendiri.

Faridah punya pendirian yang keras dan tegas tapi kali ini dia banyak berlembut dengan orang yang bernama Abdul Rahim ini. Faridah menyedari keanehan dalam dirinya itu tidak pernah dirasakannya sebelum ini, tapi yang pastinya itu bukan perasaan cinta. Faridah seratus pertatus tidak menyintai Abdul Rahim. Noktah.

“Abang ...! Abang Zam ...!”

Panggilan itu berhasil mengamparakan????? kenangan IZAM yang belum tahu di mana rujuknya.

Lantaran itu IZAM tidak kisah sama ada orang tuanya itu saling cinta menyintai atau sebaliknya, kerana dia sendiri sudah lahir dalam perkongsian hidup orang tuanya.

Malah IZAM bersyukur kerana kedua orang tuanya itu berhasil mewariskan empayar mereka kepadanya, IZAM cuma menyambung usaha orang tuanya itu hingga ke hujungnya.

“Abang ...! Abang Zam ...!” Nada panggilan isterinya sudah berubah.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 28 September 2013

Belajarliah Terus Belajar



Oleh :

Yatim Budiman

KEPUTUSAN peperiksaan telah pun dikeluarkan dan sudah pun disiarkan melalui radio dan televisyen, Norhayati dipanggil dengan nama Yati, perasaan kegelisahan sudah pun menyambar di kepala Norhayati kerana inginkan melihat keputusan kedudukan markah yang diperolehinya. Kaki Norhayati terus saja melangkah menuju ke ruang bilik tamu berjumpa ayahnya. Ayah Norhayati bertanyakan mengenai keputusan peperiksaan BGCE ‘O’ Level pada tahun lalu. “Bagaimana agaknya keputusan peperiksaan Yati sekarang dan bila kira-kiranya nak melihat kertas keputusan engkau ni Yati?” Ayah Norhayati tersenyum melihat wajah Norhayati sedang kegelisahan seolah-olah ayah Norhayati sudah tahu keputusan yang sejelas-jelasnya.

“Entahlah ayah, Yati berharap keputusan Yati tahun ini ayah, akan membawa kegembiraan pada Yati ayah,” begitulah harapan Norhayati semoga keputusan memberikan semangat dan juga perangsang untuk belajar lagi.

Demikian juga harapan ayah Norhayati. Tidak lama kemudian, kedengaran deringan telefon bimbit ayah Norhayati, sememangnya deringan telefon dari pejabat sekolah menengah tempat Norhayati belajar. Ayah Norhayati segera menjawab telefon bimbitnya menjawab dengan perasaan gembira, “Assalamualaikum, boleh saya bercakap dengan ayah Norhayati?” Deringan telefon, ternyata dari pengetua sekolah Norhayati, Haji Musa. Telefon segera

dijawab oleh Haji Duraman, ayah Norhayati. “Ya ... Saya bercakap dalam talian sekarang ...” Suara Haji Musa sudah dikenali melalui telefon. “... Bagaimana keputusan anak saya Norhayati, cikgu? ... Luluskah atau di sebaliknya?” Kelihatan wajah Norhayati antara senyum dan kekusutan. “Ya! Keputusan anak Tuan Haji Duraman adalah lulus dan cemerlang sekali.” Norhayati mendekati ayahnya tidak sabar-sabar lagi. “Bagaimana ayah keputusan Yati?” Tanya Norhayati pendek saja. “Lulus nak dan keputusanmu adalah terbaik sekali.” Begitulah jawapan dari ayah Norhayati. “...Ayah turut bergembira dengan keputusan peperiksaan engkau Yati, Ya! Keputusan peperiksaan Yati begitu cemerlang dan mengatasi keputusan teman-teman Yati yang lainnya.”

Norhayati mengeluarkan air mata kegembiraan dan terus dipeluknya ayahnya dan Norhayati menjumpai ibunya Tiamah yang sedang membuat persiapan untuk makan tengah hari. Harapan ibu Norhayati, sebagaimana harapan Norhayati dan juga harapan ayah Norhayati. Terbayang di kepala Norhayati untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat ‘A’ Level. Senyuman Norhayati dengan mengalirnya air mata terus memeluk ibunya Tiamah yang sudah berusia 45 tahun, pelukan dengan tangisan kegembiraan.

“Kenapa ni Yati?” Tanya Tiamah kepada Norhayati. Dalam hati Tiamah, ibu Norhayati tentu ada sesuatu yang berlaku pada Norhayati. “Mak, Yati lulus dan mendapat keputusan cemerlang mak ...” Tiamah terus mengeluarkan air mata tanda gembira. Tidak lama kemudian, ayah Norhayati muncul menuju ke ruang dapur menemui anaknya, Norhayati. Di ruang bilik dapur, Norhayati dan juga ibunya masih berpelukan tanda ucapan tahniah kepada anak kesayangannya. Inilah yang dinanti-nantikan oleh ibu Norhayati selama ini. Haji Duraman nampak Norhayati dan Tiamah masih berpelukan tanda kegembiraan.

“Sudahlah Yati ... nanti ayah, ibu Yati dan engkau sekali bersama ke sekolah menengah tempat Yati belajar selepas makan tengah hari ini kita pergi berjumpa pengetua untuk pengesahan sebenarnya keputusan yang diperolehi.” Sekali lagi ibu Norhayati bertanyakan tentang keputusan peperiksaan Norhayati. “Bagaimana keputusan Yati! Ok?” Norhayati menganggukkan kepalanya dan kelihatan ibu Norhayati sedang mengesat air mata anaknya, air mata kegembiraan anaknya kini telah reda perlahan-lahan. Ayah Norhayati sungguh senang hati kerana anaknya Norhayati lulus mendapat kepujian dan kecemerlangan, keputusan yang sedemikian adalah satu-satunya harapan untuk meningkatkan ke tangga pembelajaran yang lebih tinggi.

Khayalan Norhayati sudah jauh mengembara demi masa depan Norhayati

dan kedua-dua orang tuanya. Ayah Norhayati bekerja sebagai seorang guru Melayu, juga berkelulusan hanya setakat Darjah 8. Haji Duraman bekerja hanya tinggal satu tahun saja lagi bererti umur Haji Duraman sekarang dalam lingkungan 54 tahun dan lama berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan masuk ke tahun yang ke-34 tahun.

“Emaknya ... eloklah kita siap sedia, selepas makan ni nanti kita ke sekolah menengah melihat keputusan anak kita yang sejelas-jelasnya ...” Emak Norhayati sudah pun menyiapkan hidangan makan tengah hari. “Yati ..., selepas makan ni nanti, Yati mandi dan solat bersama ayah dan emak Yati sekali.” Kesungguhan seorang anak yang mencerminkan kehidupan masa depan keluarga amat ketara sekali. “Abang Aji ..., nak Yati, marilah kita makan ...” Suara ibu Norhayati memanggil untuk mempelawa makan bersama tengah hari. Dengan segera Norhayati menyahut panggilan ibunya. Norhayati, tidak berlengah lagi terus menuju ke meja makan. “ ... Baiklah ibu ... Ayah belum dipanggil bu? ...” Sahut anaknya dengan suara lembut kepada ibunya. Ibu Norhayati sekali lagi memanggil suaminya untuk makan bersama. “ ... Abang Aji oi ... Mari kita makan bersama bang ... “Suara Tiamah lantang dan lembut memanggil suaminya untuk makan bersama. Setelah selesai makan tiga beranak menunaikan Solat Zohor. Kemudian, Haji Duraman, isterinya dan juga Norhayati bersiap sedia untuk berjumpa pengetua bagi keputusan yang sebenarnya.

Sambil membetulkan kacamata, Haji Duraman berfikir dalam hatinya, “Nampaknya usaha untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang benar-benar stabil dengan kehendak sukatan pelajaran anaknya Norhayati, tidaklah sia-sia selama ini.” Tiamah, Haji Duraman sering saja berbincang dengan ayah kawan Norhayati di mana-mana saja berjumpa untuk membantu anaknya Norhayati, maklumlah anak emas yang tunggal. Usaha demi usaha, nampaknya usaha untuk memberi perangsang untuk anak Haji Duraman adalah berbaloi. Sebagaimana janji dari awal sebelum makan tengah hari iaitu untuk pergi berjumpa pengetua, ketiga beranak telah pun turun menuju ke kereta sebagaimana tujuan awal. Hati Norhayati, Tiamah dan ayahnya berdebar-debar sekali. Haji Duraman menghidupkan enjin kereta Corolla 1,200 cc modal 1985 yang berwarna krim tua. Isteri Haji Duraman dan anaknya telah pun masuk ke dalam kereta.

Perjalanan kereta Corolla lama yang dipandu oleh Haji Duraman dengan kelajuan keselesaan yang selamat. “Jauh lagikah bang Aji?” Tiamah bertanya kepada suaminya. “ ... Perjalanan kita hanya kira-kira 10 kilometer saja lagi Mah, sebentar lagi sampailah tu ...”

Haji Duraman menyahut pertanyaan isterinya, sejeurus itu Norhayati pula bertanya kepada ayah dan ibunya. “Ayah ... ibu ... sekiranya keputusan Yati menjadi kenyataan pada petang ini, apakah ibu dan juga ayah memberi keizinan untuk Yati meneruskan pembelajaran Yati? ...” Begitulah pertanyaan anak tunggal Tiamah dan Haji Duraman. Haji Duraman tersenyum mendengar yang dikatakan Norhayati baru saja sebentar dan demikian juga ibu Yati. “... Yati, niat untuk Yati untuk meneruskan pembelajaran ke pengajian yang lebih tinggi, ibu dan ayah Yati sedia memberikan peluang untuk meneruskan pengajian yang lebih baik dan bertaraf institut adalah yang disyorkan untuk Yati ... janganlah Yati risau ya nak!” sahutan ibu Yati adalah memberikan dorongan semangat untuk belajar lebih gigih lagi. “Yalah Yati, ayah pun mengizinkan untuk Yati meneruskan pembelajaran yang lebih tinggi.” Kedua-dua orang tua Yati benar-benar menyokong cadangan Norhayati untuk meneruskan belajar.

Kereta Corolla 1,200 cc yang dipandu oleh Haji Duraman sudah pun sampai di kawasan letak kereta sekolah menengah tempat Yati menuntut. “Inikah sekolah tempat Norhayati belajar bang Aji?” ibu Yati bertanya kepada suaminya. “Ya! Inilah sekolah tempat anak kita menimba pelajarannya, a ... a ..., Tiamah, marilah kita turun nanti lewat pula ...” Haji Duraman tiga beranak terus melangkah kaki menuju ke tempat bilik pejabat pengetua.

“Assalamualaikum Pak Haji hendak ke mana? Tegur salah seorang bapa, yang telah pun selesai melihat keputusan anaknya. “Walaikumusalam ...” Pendek saja jawab Haji Duraman sambil mengorak senyuman. Kelihatan ramai para ibu dan juga bapa dan juga penjaga penuntut melihat senarai yang dilekatkan di papan kenyataan sekolah. Haji Duraman, Tiamah dan Norhayati terus menuju ke papan yang dipaparkan nama dan keputusan tiap-tiap satu mata pelajaran serta ketinggian markah yang dicapai. Norhayati begitu asyik melihat senarai nama yang dipaparkan. Demikian juga dengan ayah Norhayati, melihat satu demi satu, akhirnya Norhayati sendiri melihat keputusan yang diraihinya. “... Ayah, Yati dah jumpa ayah, ini dia bilangan 106/09,” Anak Haji Duraman terdiam seketika apabila melihat sendiri keputusan pelajaran yang diperolehinya. “Ya! Sungguh menjadi kenyataan ... Tidaklah aku sia-sia belajar selama ini. Ya Allah! Tenangkanlah jiwaku, bersihkanlah jiwaku ...” Norhayati berdoa supaya hati lebih tenang dan berharap untuk menjadi anak yang benar-benar membantu kedua-dua orang tuanya, agar nasihat dan pengajaran daripada ibu dan ayahnya berbaloi.

“... Syukurlah dengan keputusan yang aku perolehi, tidak ada mata pelajaran yang tidak lulus ...” Tidak lama kemudian nama Norhayati juga

ibu dan bapa Norhayati dipanggil masuk ke dalam untuk berjumpa pengetua. Ketiga anak-beranak masuk ke bilik pengetua dengan wajah yang gembira sekali. “ ... Assalamualaikum cikgu!” Haji Duraman, Tiamah dan Norhayati terus dipelawa oleh pengetua duduk di kerusi sofa yang lembut. Kedinginan dalam bilik perjumpaan tetamu di sudut bilik pengetua begitu dingin sekali. Pengetua memulakan cerita mengenai keputusan peperiksaan anak Haji Duraman. “Tahniah.”

Pengetua Haji Musa tersenyum apabila melihat wajah keluarga Norhayati kelihatan gembira sekali. “Pak Haji Duraman dan makcik Tiamah mungkin sudah tahu tujuan tuan pengetua memanggil untuk datang ke sekolah. Adapun tujuan saya untuk bersemuka dengan Tuan Haji, makcik Tiamah dan juga Norhayati ... adalah mengucapkan ribuan tahniah kepada biskita kerana kejayaan yang paling cemerlang dan keputusan semua mata pelajaran Norhayati tersangat tinggi, dari semua penuntut yang belajar sebaya dengannya ... sekali lagi tahniah ...” Itulah ungkapan yang diluahkan oleh pengetua sekolah menengah tempat Norhayati belajar bersama kawan-kawannya. “ ... Saya selaku ayah dan juga isteri saya, Tiamah, mengucapkan berbanyak-banyak penghargaan terima kasih kepada tuan pengetua dan juga semua guru-guru yang terlibat mendidik dan mengajar anak saya ... sekali lagi diucapkan terima kasih ...”

Norhayati diarahkan menandatangani borang kemasukan belajar ke peringkat ‘A’ Level musim 2011 yang akan datang. Ayah Norhayati juga menandatangani borang berkenaan. Selepas menandatangani borang berkenaan, kelihatan air mata Yati menggelusur di pipinya tanda suka dan kegembiraan. “ ... Kalau sudah selesai semuanya cikgu ... Kami bertiga ni memohon diri beredar ...” Haji Duraman tiga beranak minta diri untuk pulang. “Yati! ... cikgu harap kepada Yati akan terus mempertingkatkan semangat untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi ... jadi, saya selaku pengetua di sekolah menengah ini, mengucapkan syabas kepada Yati, kejayaan adalah atas usaha yang bijak ..., semoga kelulusan dan pencapaian Yati, akan menjadi contoh serta teladan kepada semua penuntut di sekolah ini ...” cikgu Haji Musa pengetua sekolah menengah berkenaan menaruh harapan tinggi kepada anak Pak Haji Duraman supaya anaknya terus tekun dalam pembelajaran yang lebih tinggi. Haji Musa menghulurkan tangannya sebagai salam dan ucapan semangat kepada Haji Duraman, isteri Haji Duraman dan Norhayati. Haji Duraman serta isteri dan anaknya terus melangkah keluar dari bilik perjumpaan ibu bapa dan guru.

Norhayati punya semangat yang tinggi dan juga inginkan pembelajarannya setinggi harapan ayah dan ibunya. Langkah pulang menuju ke kereta antik, Pak Haji Duraman terus berfikir dalam hatinya. “... Inilah yang dikatakan usaha untuk anak agar terus memberikan contoh yang baik kepada teman-teman Norhayati yang sebaya dengan anaknya dan kesedaran kepada ibu bapa dan penjaga penuntut.” Tiba-tiba isteri Haji Duraman meluahkan katanya. “... Abang Aji, bila agaknya Yati meneruskan pembelajarannya?” Itulah tanya Tiamah kepada suaminya, sambil membuka pintu kereta, Haji Duraman menjawab pertanyaan isterinya. “Mungkin awal tahun depan agaknya.” Tiamah dan Norhayati sudah pun masuk ke dalam kereta dengan hati yang senang sekali tambahan pula dengan kegembiraan. Kelihatan ibu bapa semakin ramai berpusu-pusu sebagaimana tujuan Norhayati. Haji Duraman sudah pun menghidupkan enjin kereta antik corollanya. Hawa dingin kereta antik Haji Duraman masih begitu baik. “... Ayah! Ibu! Kalau Yati berjaya dalam apa jua bidang mata pelajaran, kemudian ... Yati bercita-cita untuk membelikan kereta baru untuk ayah, setelah Yati mendapat pekerjaan yang baik ... sebab, kereta ayahpun sudah tua.” Itulah cadangan dan cita-cita Norhayati pada masa yang akan datang. Kadang-kadang semua angan-angan akan menjadi kenyataan yang realiti. Kereta yang dipandu oleh ayah Norhayati sudah pun mulai bergerak untuk menuju pulang ke rumah.

“... Esok ayah dan ibu Yati membawa Yati ke kedai buku untuk memilih jenis buku yang dikehendaki, sebagaimana dalam jadual senarai nama buku untuk persekolahan tahun depan ...” Haji Duraman mempelawa untuk membeli buku pelajaran yang ditetapkan oleh sekolah Norhayati. “Baiklah ayah ...” pendek saja sahut Norhayati kepada ayahnya. Buku-buku yang disenaraikan kesemuanya berharga mahal, tidak ada buku yang berharga murah atau rendah.

Dalam pembelian jenis buku pelajaran yang disenaraikan untuk Norhayati adalah ditanggung oleh ayah penuntut, tiada ada sebuah buku pun diberi percuma oleh pihak sekolah. “... Bagaimana ni ayah? Semua buku-buku harganya mahal belaka ayah ... Ini tentu membebankan ayah ...” Suara Norhayati sebagai mengingatkan kepada ayahnya. “Yati! Tak usahlah Yati bimbang sangat tentang harga buku untuk Yati belajar, semua harga itu semua ayah boleh bayar nak! Usah risau ya?” Suara Haji Duraman memberi keyakinan kepada anaknya, supaya Norhayati tidak gelisah dan berfikiran kusut. Kereta yang dipandu oleh Haji Duraman sudah pun menghampiri rumah. Di tangan Norhayati masih kelihatan senarai nama-nama buku yang akan dibeli. Kereta antik Corolla tenaga 1,200 cc modal tahun 1985 telah pun berhenti di garaj letak kereta. “... Sekarang kita dah pun sampai, esok kita ke kedai untuk mencari nama-nama buku disenaraikan ...” Kata Haji Duraman sambil membuka pintu keretanya.

Tiamah dan Norhayati juga telah pun turun dari kereta. Pelbagai angan-angan yang berceramuk di kepala Norhayati. Semua kekusutan boleh diatasi oleh Norhayati dengan tenang sekali, kerana benar-benar mahukan belajar. “A! Yati naiklah ke rumah ... bawa mandi bacalah doa-doa untuk menenangkan fikiran ... supaya lebih tenang lagi ...” Begitulah suara Haji Duraman sambil melangkah anak-anak tangga. “ ... Ialah nak, itu yang seeloknya,” begitulah sampuk ibu Norhayati. Jam tangan Haji Duraman menunjukkan pukul 3.20 minit petang.

Waktu petang sudah menjelma menabiri senja yang akan datang. Kawan-kawan Yati tidak putus-putusnya datang ke rumah Norhayati kerana mengucapkan tahniah kepada Norhayati. Di antara teman-teman ada dua tiga orang guru-guru yang datang ke rumah Norhayati kerana pencapaiannya amat baik sekali. Yati mempelawa kawan-kawanya duduk sambil bersalaman. Kawan-kawan Norhayati sungguh gembira sekali dan mungkin ingin menjadi penuntut yang baik dan cemerlang. Seperti mana tetamu yang lain datang berjumpa anaknya Yati, ibu Norhayati tidak membezakan untuk dijamu minuman. Tiamah sedang menghidangkan air kopi dan sedikit kueh mueh sebagai hidangan sarapan petang.

“ ... Jemputlah minum ... dan janganlah segan-segan pula ... “ Suara Norhayati sambil mengorak senyum kepada kawan-kawannya yang sedarjah dengannya. “ Ialah Yati,” Sampuk Norita pendek saja. “Aku pun Yati, inginkan seperti mana yang Yati capai sekarang ...” Suara Norita inginkan seperti Norhayati seorang penuntut cemerlang. “ ... Yati harap kepada Norita, Rosnah dan juga Kamariah rajin-rajinlah membaca buku kerja yang disediakan dan selalulah berbincang dengan kawan-kawan dan juga guru-guru di sekolah kita, insya-Allah keputusannya baik ...” Yati menasihati tiga orang kawannya sambil meneguk air kopi dan memakan cucur buah cempedak. Silih berganti kawan-kawan Norhayati datang ke rumahnya untuk mengucapkan tahniah kepada Norhayati. Norhayati, adalah seorang penuntut yang baik hati, peramah suka menegur kawan-kawannya mudah tersenyum apabila ditegur.

“Yati! ... Kami bertiga ni dah lama di sini, jadi kami ni nak minta diri untuk pulang dan sekali lagi kami bertiga mengucapkan tahniah kepada Yati ... Assalamualaikum Yati ... Semoga menjadi contoh yang baik ...” Begitulah kata Norita kepada teman karibnya, demikian juga Rosnah dan Kamariah. Kawan Norhayati bertiga sudah pun mula bergerak menuju pintu. Hati mereka bertiga inginkan bagaimana Norhayati menjadi anak yang cerdas, pintar dan pandai belajar. Perkara berkenaan akan diikuti dari semasa ke semasa.

Ayah Norhayati naik ke rumah setelah membersihkan kereta kesayangannya. “Yati! Sudah mandi nak?” Suara ayah Norhayati. Tiba-tiba ibu Norhayati menyuruhnya mandi. “Nak! Yati mandilah nak, hari dah nak sampai waktu Solat Maghrib ni ...” Norhayati segera berdiri terus menuju ke biliknya membawa tuala sekali gus terus ke bilik mandi. Sesudah Norhayati selesai mandi, ia segera memakai serba putih untuk mengerjakan solat bersama ayah dan ibunya.

Tiga beranak telah pun selesai menunaikan Solat Maghrib berjemaah. Sampailah masanya ayah dan ibu Norhayati, memberikan sedikit nasihat serta galakan untuk anaknya ke peringkat pembelajaran yang lebih tinggi. Norhayati dengan rela hati menerima pandangan serta nasihat yang berguna baginya yang akan datang. “Yati! nampaknya masa untuk menyambung pelajaran hanya tinggal satu bulan saja lagi. Segala persiapan untuk tahun baru kelak kini dah pun semuanya ada sedia.” Begitulah nasihat daripada Haji Duraman. “Janganlah Yati risau sangat, ibu berharap semoga Yati menjadi anak yang baik dan berguna kepada masyarakat ... Yati! Peluang belajar untuk Yati ... Ibu berdoa dan berseru pada Yati, belajarlah terus belajar nak ... dan jangan tinggalkan solat waktu pada saat-saat sampainya waktu solat, solat itu ertinya doa ...”

Itulah luahan kata dari seorang ibu yang penyayang kepada anaknya. Guru-guru dan juga penuntut-penuntut termasuk tiga orang kawan rapat Norhayati, Norita, Rosnah dan Kamariah turut mendoakan semoga Norhayati akan terus belajar demi keluarga serta masa depannya. Sekolah menengah tempat Norhayati belajar adalah sebuah sekolah menengah yang terbaik di negara ini. Harapan pengetua sekolah Norhayati, semogalah semua penuntut yang belajar di sekolah menengah berkenaan akan berjaya sekali gus memartabatkan sekolahnya untuk dicontohi semua sekolah menengah di negara ini. Harapan pengetua, Haji Musa memberi slogan ‘Belajarlah Terus Belajar’.

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 26 Oktober 2013

Kacau



Oleh :

Omeyad

SHUHH ...! Shuhh ...!

Sebuah kereta Mazda merah melintas di luar lorong sebuah jalan. Pemandu kereta Mazda merah mungkin memandu dalam kelajuan 100 km sejam.

Cit! Cit! Cit! Kelihatan burung-burung berteduh di beberapa pokok Burung-burung yang berbagai jenis kelihatan tergetar-getar atau terketar-ketar di sebatang pokok yang mungkin rimbun. Kelihatan juga burung-burung di pokok sebelah yang hijau mengunyah-ngunyah, ada yang memejamkan mata dan bergerak perlahan dan berterusan ke depan ke belakang. Seorang lelaki berkumis nipis bertahi lalat kecil dua di hidung bila terpancang beberapa kenderaan yang terhenti di tepi jalan raya tidak kira di mana-mana pun, mahu sahaja ia mahu memberikan pertolongan. Tetapi perasaannya mungkin kadang-kadang bercampur baur juga, Mungkin ia merasa segan atau malu, mungkin sahaja ia takut dan gementar berdepan dengan manusia lain. Berdepanan dengan seseorang merupakan satu perkara yang merungsingkan fikirannya. Ia kelihatan seperti orang bengang sahaja seperti fikirannya bolak-balik berbalik-balik dan berulang-ulang dalam kepalanya. Ia akan terus nampak seperti benar-benar bengang. Aku malulah mahu berdepan dengannya katanya dalam hati. Kau kawallah aku Akal, supaya aku tidak rasa malu, kata Hati kepada Akal yang mungkin juga rungsing untuk mengawal Hati lelaki berkumis nipis.

Lelaki berkumis nipis bertahi lalat kecil dua di hidung ini apabila berdepan dengan siapa saja walau binatang, walau tumbuhan sekalipun, apa lagi benda mati, termasuk juga melihat aku, akupun ia segan untuk mengangkat mukanya, mukanya kelihatan merah matanya kelihatan sepet, tangan kanannya akan disembunyikannya ke belakang, tangan kirinya juga ikut sama, hidungnya nampak dikembang-kembangkannya sehingga dua tahi lalat kecil nampak seperti membesar dan telinganya bertukar warna merah.

Walau bagaimanapun kadang-kadang apabila melihat atau terserempak dengan manusia yang bukan kaum sejenisnya iaitu perempuan atau lebih elok digelar wanita atau ada juga yang memanggil gadis, ia akan lebih cepat memberikan bantuan walaupun tanpa disuruh. Senyumannya yang manis sehingga dian kecil sebatang boleh cair, matanya tidak kuyu, ia rela menunggu berjam-jam dan menemani mereka sehingga minumannya basi.

Di sebalik perasaan yang mungkin malu atau takut itu, tersimpan satu perasaan simpati. Ada beberapa kali, lelaki ini terserempak dengan beberapa buah kenderaan yang pemandunya mempunyai macam-macam karenah dan masalah. Perasaan ingin tahu dan ingin membantu sering bermain dalam fikirannya.

Tolong atau tidak Hati? Manalah aku tahu Akal! Kaukan rapat dengannya bagilah idea!

Kita sama-sana sejiwalah Akal, kau *control* sikitlah.

Tolong atau tidak, kata lelaki berkumis nipis bertahi lalat kecil dua di hidung, itu sahaja yang ada berada dalam fikirannya. Tapi kalau perempuan tak apalah kalau yang sejeniskan mereka boleh buat, lelaki berkumis nipis bertahi lalat kecil dua di hidung berkata dalam hatinya.

Eh! Jantung mengapa kau berdebar? Akal! *Control* si Jantung ini ada yang macam tidak kena sahaja!.

Tunggu sekejap mari aku *adjust*.

Tadi Mata beritahu aku sesuatu. Sebab itu aku berdebar. Sebuah kereta yang mungkin kereta Honda kelihatan berhenti di lampu isyarat di jalan raya yang nampak sesak dan sempit dengan pemandu-pemandu yang mempunyai

berbagai ragam.

Ternyata seperti ada yang sudah lama menggunakan jalan tersebut daripada zaman sekolah menengah mereka sehinggalah rambut mereka beruban. Ada pemandu seperti baru menggunakan jalan ini, malah orang yang terpejam matanya buat selamanya dan berjalan bertongkat juga menggunakan jalan ini. Tetapi hairanlah! Hairan sekali! Hanya kereta berpintu dua yang dapat masuk ke jalan ini. Pernah satu ketika beberapa buah kereta berpintu empat dan lima cuba masuk ke kawasan jalan ini, lampu isyarat berwarna merah berkerlip-kerlip, kerlipannya merah kelihatan sehingga ke Kampung Mekar, Kampung Cerdas dan Kampung Pandan, tiba-tiba lampu isyarat mengeluarkan bunyi yang mungkin kedengaran sehingga 200 meter, malah Kampung Mekar, Kampung Cerdas dan Kampung Pandan seperti terdengar tetapi kemungkinan samar-samar. Bunyinya mungkin kuat sehingga membuatkan seorang pemandu yang cacat pendengaran menoleh ke kanan ke kiri, ke depan ke belakang dan begitulah berulang-ulang. Pemandu yang cacat pendengaran menghempaskan tangannya ke kepalanya dan menganggukkan kepalanya lalu nampak tersenyum. Semua orang melihat ke arah lampu isyarat ini. Tak! Tak! Tak! Keadaan di jalan nampak basah.

Pemandu-pemandu kenderaan berpintu empat atau lima tidak mengendahkan lampu isyarat tersebut. Pejalan kaki yang berpakaian kemas, nampak segak, memakai cincin, gelang dan rantai semuanya emas, menjeling dan memekik kepada pemandu-pemandu berpintu empat atau lima Polis lalulintas datang untuk meleraikan keadaan. Polis yang menunggang basikal sahaja yang boleh menghalau pemandu-pemandu yang nampak keras kepala ini. Mereka tidak punya pilihan. Di tepi-tepi jalan raya ada disediakan lorong keluar yang menghala ke sebuah terowong yang mungkin sempit.

Pejalan kaki tidak ada yang berpakaian tidak kemas. Pakaian tidak lusuh. Mereka sanggup membeli pakaian yang mahal-mahal. Payung yang mereka pakai sekarang juga mungkin mahal. Payung yang dibawa melindungi pakaian dan barang kemas yang dipakai daripada terkena basah. Tetapi mereka tidak mampu membeli kereta. Pejalan kaki yang mungkin kaya ada yang mengambil kesempatan mengadakan jualan langsung dan berjaja di tepi jalan. Polis lalulintas membesarkan matanya dan mukanya nampak merah. Ia mengangkat tangannya ke udara. Pejalan kaki berjalan sedikit cepat. Mereka kelihatan takut dengan polis lalu lintas ini.

Kacau! Polis ini! Rugi! Rugi! Jerit seorang pejalan kaki sambil menjeling polis lalu lintas yang mengayuh basikal.

Kenderaan yang masuk di jalan ini semuanya kereta berwarna putih. Pernah ada sebuah kereta warna hitam yang cuba masuk ke jalan raya ini. Semua pemandu kereta berwarna putih menolehkan kepala kepada pemandu kereta hitam. Pemandu kereta hitam malah merasa mungkin megah dan angkuh kerana mungkin merasakan kereta hitamnya luar biasa. Kereta luar biasa, sangat luar biasa, mereka dengki kerana kereta luar biasa kata pemandu kereta hitam.

Pemandu-pemandu yang lain menjeling. Pemandu-pemandu di jalan ini ada yang menghempaskan tangan mereka ke atas stereng berulang kali. Tiba-tiba lampu isyarat berkerlip-kerlip merah. Penduduk Kampung Mekar dapat melihat kerlipan cahaya merah Kampung Cerdas juga dapat melihat cahaya merah. Apa lagi Kampung Pandan. Tetapi mereka tidak menghiraukannya.

“Lahhh! Ada Cahaya merahhh? Milll! Mungkin ada orang melanggar peraturan di jalan Kampung Suburrr barangkali!” Razmi tiba-tiba menggaru-garukan kepalanya.

“Jangan pedulilah! Mi!” ujar Iknil.

“Masalahhh jalan itu! Salah-salahhh!” Razmi nampak mengeluh.

“Razmi! Kau tunggu kejap ya. Semalam aku ini banyak makan sambal jering! Perutku ini sakitlah!”

“Awasss kalau kau lama !” Kring! kring! Bunyi loceng. Kelihatan seorang lelaki kurus berkulit hitam sedang mengayuh basikalnya.

“Wah! Apa itu bunyi? Aku punya kring-kring pun orang tara boleh dengar!” katanya sambil menggeleng-gelengkan kepalanya yang berambut ikal halus.

“Ais krim! Ais krim!”

“Hoi! Mamak diamlah!” teriak lelaki berkumis nipis bertahi lalat kecil dua di hidung yang berada dalam sebuah kereta berwarna putih berpintu lima.

“Apalah! Semua orang tara suka ais krimkah? Apa sudah jadi?” Lelaki kurus berkulit hitam menggaru-garukan kepalanya sambil menekan-nekan hidungnya yang nampak mancung.

“Sana kampung tara suka! Sini kampung tara suka! Saya Kampung tara suka!” sambil mengayuh basikalnya.

“Ais krim! Ais krim!”

Polis lalulintas muncul di tepi kenderaan berwarna hitam dengan menunggang basikalnya. Mata polis lalu lintas kelihatan besar dan mukanya nampak bengis.

Pemandu kereta hitam berpeluh Prak! Prak! Jari-jarinya diletupkan. Tetapi giginya dan bibirnya bergerak. Giginya digetap-getap dan bibirnya kumat-kamit. Mungkin ia takut.

Polis lalu lintas mengangkat tangannya jari telunjuknya yang kelihatan sedikit pendek dihalakannya ke sesuatu tempat. Pemandu kereta hitam membelokkan kereta hitamnya ke lorong yang menuju ke sebuah lorong yang nampak besar dan dalam.

Semua kereta yang memakai jalan ini terdiri daripada orang yang tidak berhutang. Tidak kiralah hutang dengan bank, hutang dengan kedai, hutang dengan lelaki kurus berkulit hitam yang menjual ais krim dan hutang dengan ketua penolong, setiausaha, kerani atau buruhnya. Yang pentingnya sesiapa pun yang belum pernah berhutang boleh menggunakan jalan ini. Kereta putih berpintu dua milik mereka dibeli secara tunai, sudah lunas.

Onggg... ! Onggg... ! Lampu isyarat berbunyi sederhana.

Pengguna-pengguna jalan raya sepertinya biasa dengan keadaan ini. Apa yang ditakutkan mereka. Mereka berhak menggunakan jalan ini asalkan mereka memakai kereta warna putih berpintu dua yang tidak ada hutang. Lorong pejalan kaki hanya terdiri daripada orang-orang yang mungkin kaya, jikalau tidak, lampu isyarat akan memberikan isyarat lampu merah tetapi berbunyi sederhana.

Kelihatan seorang perempuan berambut pendek dan seorang lelaki kurus panjang yang mempunyai perut bekas luka di lengan kirinya sedang memasang sesuatu di beberapa pokok yang kelihatan subur di tepi jalan.

“Apa ini?” Tanya seorang lelaki berambut hitam sedikit panjang yang sedang menghisap rokok.

“Kamu tak tahu bacakah? Kamu pejalan kaki yang kaya pasti pandai bacakan?”

Perempuan berambut pendek nampak tegas.

Ini papan tanda! Kata lelaki kurus panjang yang mempunyai parut bekas luka di lengan kirinya.

ARAHAN: JANGAN MEROKOK DI SINI. INI ZON LARANGAN TIDAK BOLEH MEROKOK

Lelaki berambut hitam sedikit panjang hanya nampak membisu. Ia terus memadamkan rokok dan membuang puntung rokok ke dalam sebuah tong sampah yang disediakan di jalan ini. Ceh! Ia beredar sambil menggeleng-geleng dan menghentak-hentakkan kasutnya.

Irrk...! Brakk! Tum... !

Lelaki berkumis nipis bertahi lalat kecil dua di hidung terkejut. Beberapa orang kelihatan berdiri di luar kereta Mazda merah yang kelihatan berhenti di semak. Sepohon pokok besar menimpa kereta tersebut.

Kelihatan seorang lelaki yang rambutnya disikat rapi dan bercermin mata sedang menggunakan telefon bimbit dan bercakap dengan seseorang di tempat kereta Mazda merah ditimpa pokok besar.

“Minta maaf, ini siapa?” lelaki yang rambutnya disikat rapi dan berkaca mata bersuara.

Keadaan sekarang mungkin cemas, semua yang ada tersedar setelah mendengar bunyi, Irrk ... ! Brakk! Tum ... !

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 30 November 2013

Leming



Oleh :

Omeyad

MEOW! Meow!”

Seekor binatang kurus tetapi bulunya nampak tebal dan kembang. Misalnya melengkung ke atas dan ada juga yang nampak melengkung ke bawah. Ekornya kelihatan melambai-lambai ke atas, ke bawa ke kiri ke kanan dan begitulah berulang-ulang. Matanya berwarna biru dan nampak bersinar. Kakinya yang empat ditutupi oleh bulunya yang nampak kembang dan tebal sehingga tidak kelihatan kukunya yang mungkin tajam.

“Errr....Sejuknyaaa.... pagi ini...

Tonpok kau tak kesejukankahhh?”

Bulu roma Razmi berdiri. Ia menarik selimut tebal kelabu dan menutupi semula tubuhnya yang sederhana. Kakinya raling bergeselan tetapi cepat-cepat direnggangkannya.

“Err..! Dinginnyaaa !”

Kelihatan seperti cahaya di luar mencuri masuk ke dalam lubang-lubang kecil di dinding. Sepertinya awal-awal lagi Razmi bangun.

“Arr..! Masih mengantuklahhh.” Razmi bercakap seorang diri.

Perlahan-lahan ia bangun dan maju menghala ke tingkap. Tiba-tiba ia berundur menuju ke meja tulisnya. Di atas meja terletak seperti sekeping nota kecil. Di nota kecil tercatat di restoran minggu depan ada ‘All U Can Eat’, bayaran cengkeram sudah dibayar. Perlahan-lahan Razmi membuka laci meja tulisnya. Dalam laci meja ada sekeping kertas lagi tetapi warnanya biru mungkin resit. Di kertas warna biru ini tertulis Duit Deposit ‘All U Can Eat’. Razmi nampak tersenyum sendiri.

“Nah! Ini resit deposit atau cengkeramnya. Jangan dihilangkan nanti wangnya tidak dapat dikembalikan.”

“Siapa nama awakkk?”

“Tanya nama pula? Nama saya Salmiah, panggil Miah saja.”

Terima kasih Miah! Lawa nama awak macam orangnya.”

Razmi mengambil kertas kecil berwarna biru lalu menghidu kertas kecil berwarna biru itu.

“Harumnyaaa..! Masih melekat bau harummm minyakkk wangi si Miah ini.”

Diletakkannya semula kertas kecil berwarna biru ke dalam laci semula.

Kemudian menyemak semula sekeping nota kecil tadi.

“Hari ini aku hendak ke hutan mencari Burung Merbuk dengan Kamil rupanyaaa!”

Ia maju menghala ke tingkap semula. Ia membuka tingkap. Keadaannya nampak lemah. Mungkin semalam ia tidur sedikit lambat, Di atas meja kecil nampak cawan yang berisi sedikit serbuk yang berwarna hitam. Di bibir cawan itu ada juga kelihatan sedikit serbuk berwarna hitam mungkin selepas Razmi meminumnya semalam.

“En....! Dinginnya pagi iniiii.”

Di luar keadaan cerah. Ia mengeluarkan kepalanya keluarsambil terpandang gelagat dua anak kembar kecil sedang kejar-mengejar.

“Ais krim! Ais krim!”

Kelihatan seorang lelaki kurus berkulit hitam sedang mengayuh basikalnya. Di belakang basikalnya tertulis perkataan Kampung Cerdas mungkin ia datang daripada Kampung Cerdas.

“Ais Krim! Ais Krim!” jeritnya sambil bersiul-siul.

“Pagi-pagi sudahhh menjual ais krim mamak ini, bisinggg saja.” Razmi mengeluh.

Kring! Kring!

Bunyi loceng basikalnya berbunyi. Razmi menolehkan kepalanya ke belakang. Ia memerhatikan jam di atas mejanya. Tik! Tik! Tik! Jarum pendek dan panjang singgah ke angka enam.

“Lahhh! Mana Kamil ni, kata mahu datang, batang hidungnya pun belummmm ada.”

Razmi menunggu Kamil datang. Hari ini ia mahu ke hutan buat pertama kalinya. Di tepi katil terletak sebuah beg kecil berwarna hitam. Di sebelah pula ada satu benda yang kelihatan tajam.

“Baiklah Kamil, kau baru nak ke hutan ni” jadi bawa lembing ini, manalah tahu kau tersesat jalan” “Leming nekkk? Untukkk apa pula?”

“Eh budak ini, kan di hutan banyak binatang buas, ini lembing pusaka nenek, lembing bertuah.”

Orang tua berambut putih berkacamata yang digelar Nenek Rahmat menggoyang-goyangkan ke kiri dan ke kanan sambil memberikan benda tajam yang mungkin lembing.

“Eh, macam Efendi, mahu ke mana ia pagi-pagi ni? Ohhh ya! Mungkin mahu ke restoran yang mahu dibuka ini! Semangatlahhh Efendi ini.”

Mulut Razmi seperti ternganganganga melihat Efendi yang kelihatan terburu-buru.

Razmi mengangkat tangannya ke arah Efendi. Efendi tidak melihatnya kelihatan seperti ia terburu-buru. Kelihatan seperti seekor monyet sedang bergayut di sebuah pokok yang nampak tinggi seorang budak gemuk sedang memerhatikan kelakuan binatang yang nampak liar seperti monyet itu. Ia cuba melontarnya dengan sebiji batu yang nampak besar. Ia tidak mepedulikan budak gemuk itu. Budak gemuk nampak geram juga. Budak gemuk mengambil sebiji batu besar lagi. Usahanya tidak menjadi.

Binatang itu masih bergayut. Ia nampak tenang saja di atas pokok tinggi. Budak gemuk hanya menggaru-garu kepalanya dan melemparkan batu besar yang lain ke arah lain.

“Kokk! Kokk! Kokk!”

Binatang berbulu merah hitam yang menyerupai burung lari bertempiran. “Bagus juga buatan lembingg ini,cantikkk! Cantikkk.”

Razmi terpegun seketika memerhatikan betapa halusny buatan lembing.

“Razmi! Kau tunggu kejap ya. Semalam aku ini banyak makan sambal jering! Perutku ini sakitlah!” “Awasss kalau kau lama. !”

Razmi memerhatikan semula lembing yang dipegangnya.

“Apalahhh Kamil ini, baru hendak memburu” dahhh sakit perutnya, inikan aku bersemangatt.”

Razmi ingin sekali memburu di hutan untuk memerangkap burung yang digelar burung Merbuk. Dalam catitan kertas kecilnya tadi ada tulisan dua bulan akan datang ada Pertandingan Burung Merbuk Cantik. Jika hari pertama ini ia ke hutan tidak dapat banyak pun seekor pun cukup baginya. Razmi menanti hari memburunya ke hutan dengan penuh semangat. Apa tidaknya awal-awal lagi ia memberitahu Kamil akan hasratnya kerana ia tahu Kamil sering ke hutan dan Kamil mungkin tahu selok-belok di hutan dan tempat burung membiak. Mungkin hasratnya untuk menjerat burung yang dipanggil Merbuk sudah lama. Burung yang dipanggil Merbuk mungkin juga adalah sejenis burung kegemarannya. Biasanya Razmi hanya membeli di pasar burung tetapi kali ini

ia mahu pergi ke dalam hutan untuk menjeratnya sendiri. Dengan Kamil, Razmi boleh belajar dan menimba pengalaman memburu di hutan daripadanya.

“Jom! Kita pergi nanti Razmi! Sama aku kau akan selamat!” ujar Kamil.

Kata-kata Kamil meyakinkan Razmi. Razmi seperti tersenyum tetapi dahinya nampak berkedut sedikit.

“Tapi aku mungkin takutlahhh ke hutan.” Balas Razmi.

“Mi..! Mi..! Tak perlu takutlah akukan ada. Ini Kamillah.”

“Benarr?”

“Percayalah kataku semua akanok!”

Razmi kelihatan sangat resah. Peluhnya mengalir. Matanya kelihatan merah. Bulu romanya berdiri. Pakaiannya nampak basah. Ia menggaru-garu kepalanya. Ia berjalan mundur mandir, ke depan dan ke belakang, ke kiri dan ke kanan, ke depan dan ke belakang lagi. Rambut hitamnya nampak kusut.

“Mana Kamil ini, sudah lamalah aku takut! Aku takutlahhh!” Razmi merungut.

Hiss.... Hiss....”

Mata Razmi terbeliak apabila melihat seekor binatang yang nampak panjang mungkin ular yang sedang menjalar dan berlilitan di seponon ranting. Ia kelihatan berpeluh. Suasana yang tadinya nampak tenang bertukar sedikit cemas.

“Mana Kamil ini? Tidak berhati perut langsunggg.”

Jarum pendek singgah ke angka lapan dan jarum panjang baru singgah ke angka satu.

“Inikan aku sudah takut!”

Keadaan bertambah cemas lagi apabila ia terlihat seekor binatang yang bertaring tajam. Warnanya hitam menyerupai seekor kucing.

“Astagaaa! Harimau Kumbanggg? Macamm mana ni?”

“Bertenang Razmi, sabar, jangan kau cemas.”

“Bertenanggg kata kau dari mana datangnya harimau kumbanggg ini?”
“Aku yang masukkan ia dalam cerita ini”

“Kau! Apa semua ini?”

“Kawan aku yang suruh masukkan harimau kumbang ini, tetapi kalau aku, aku akan masukkan binatang yang lebih buas lagi.”

“Ternyata kau tidak berhati perut seperti kawanku Kamilll, ini pun ia belum timbul-timbul” inikan sudah lama aku tungguuu! Boleh kau lihatkan di mana ia berada?”

Kamil berada di sebuah tebing sungai. Airnya sebenarnya mengalir jernih tetapi nampak tercemar setelah Kamil pergi ke sana. Kamil seperti benar-benar sakit perut.

“Celaka punya jering! “

Razmi betul-betul kelihatan takut. Tubuhnya nampak menggeletar.

Suasana di hutan itu cukup menyeramkannya. Kedengaran bunyi hiruk-piruk.

“Hiss.... Hiss.....”

Kali ini mata Razmi kembali terbeliak apabila melihat dua ekor binatang yang mungkin ular sedang menjalar dan berlilitan di seponon ranting. Matanya bertambah merah. Razmi termengah-mengah. Kelihatan beberapa binatang kecil, besar dan sederhana yang mungkin monyet yang kelihatan liar melompat-lompat sambil menutup mata mereka. Ada yang menghempaskan beberapa batu ke tanah merah yang mungkin becek, berlumpur dan berair. Mungkin mereka juga merasa ketakutan. Ekor binatang yang mungkin harimau kumbang yang panjang itu nampak tegak. Matanya nampak besar. Ia mengaum dengan kuatnya. Ia tidak mengalih pandangannya ke arah lain, walaupun terlihat seperti seekor binatang yang mungkin tikus yang terburu-buru melintas. Razmi tidak berani menggoyangkan tubuhnya. Ia benar-benar tidak terdaya untuk bergerak. Gigitan

seekor serangga mungkin semut api tidak dapat meredakan ketakutannya. Betis kirinya nampak membengkak dan merah setelah digigit oleh serangga itu.

“Inkkk...Inkkk..”

Kelihatan beberapa serangga yang berterbangan menghampiri Razmi. Razmi sempat menggaru-garukan tangannya dan menampar serangga yang mungkin nyamuk. Tangannya nampak membengkak kecil dan daripada tamparan itu beberapa serangga yang hinggap ke tangannya tewas. Mungkin kali terakhir ia melihat binatang yang mungkin Harimau Kumbang ini sewaktu ia melawat ke sebuah Kandang Mini Mr. Roger. Ia bebas memerhatikan binatang buas itu beraksi kerana ianya terkurung bebas di dalam kandang. Di waktu itu binatang yang mungkin Harimau Kumbang sibuk menikmati makanannya. Ia tidak mengaum, tidak berbuat apa-apa hanya makan. Tetapi binatang yang mungkin Harimau Kumbang ini seperti yang Razmi lihat di kandang itu. Binatang ini kelihatan sangat garang mungkin lapar juga. Caranya memandang Razmi dengan pandangan yang tajam mungkin ia sangat lapar.

Peluh mengalir banyak ditubuh Razmi. Bajunya semakin membasah. Rambutnya semakin kusut. Tanpa disedarinya ada warna merah mengalir di kaki kirinya, mungkin darah. Kakinya terpijak beberapa keping kaca yang nampak berselerakan di tanah. Binatang buas ini mengaum kali ini lebih kuat daripada tadi. Daun-daun nampak berterbangan. Ia memegang benda yang mungkin lembing sehingga kelihatan urat tangannya. Razmi memejam matanya mungkin lebih rapat. Dahinya berkedut.

“Kata Tukkk Imam Syari, kalau murid-murid semua dalam ketakutan, cuba pejam mata, hitung satu hingga lima, lepas itu bukalah mata, pasti ketakutan kamu akan reda. “

“Satuuu, duaaa, tigaaa, emm....”

Tukk! Tukk! Tukk! Tukk!

“Razmi! Razmi! Bukalah pintu ini!

Kau ada di dalam?”

Tukk! Tukk! Tukk!

“Empattt, li.., Eh! Takkanlahhh Harimau Kumbanggg pandai bersuara Lima, Bismillahh...” sambil membuka matanya.

“Razmi! Razmi! Mengapa kau? Jadikah ke hutan ini?”

Tukkl Tukkk!

Bukkk!

Brakk!

Pakaian yang nampak tergantung di pintu berguguran. Kelihatan Kamil berdiri di depan pintu bilik Razmi. Kamil kelihatan cemas juga.

“Astagaaa!”

Tekkk! Tek!! Tek! Razmi melepaskan lembing yang dipegangnya.

“Err..!” Razmi memeluk tubuhnya.

“Err...! Takk jadilah Milll! Takutt!”

“Ha?”

“Takut? Tapi mengapa?”

Mengapa..? Kamil menggaru-garukan kepalanya. Sempat juga ia menggaru bahunya yang mungkin terasa miang.

“Harimau Kumbanggg! Harimau Kumbanggg!”

“Mana? Mana?”

Mata Kamil nampak sedikit terbeliak.

“Harimau Kumbanggg”

“Meow! Meow! Meowww!”

“Haaaa!”

TAMAT

Pelita Brunei keluaran 28 Disember 2013